


PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2012

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 28 JUN 2012



KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11, 12, 13, HINGGA 102)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 14

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah langkah Kementerian bagi menubuhkan jabatan vateran guru sebagaimana Jabatan Veteran ATM bagi menjaga kebijakan dan kepentingan warga pendidik yang telah bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum bercadang untuk mewujudkan Jabatan Veteran Guru. sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, walaupun cadangan tersebut amat baik sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rata-rata golongan guru yang bersara adalah mereka yang bersara wajib dan majority pesara guru ini tidak menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kerja sama ada guru kontrak, menjadi guru tuisyen, guru motivasi atau berkhidamt di institusi pendidikan swasta. Dengan kata lain, kepakaran dan pengalaman guru tetap relevan, berharga dan amat diperlukan selepas persaraan mereka.

Namun demikian kewujudan Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) boleh bertindak sebagai badan yang boleh menjaga kebajikan dan sosio ekonomi warga pendidik termasuklah pesara guru.

Justeru YGMB di bawah pentadbiran baru yang diketuai oleh mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia iaitu Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin bin Hj. Mohd Dom; sedang giat melakukan penamaikan dan boleh menjadi alternatif kepada cadangan Ahli Yang Berhormat itu bagi menjaga kebajikan pesara guru yang banyak jasanya dalam pembinaan negara bangsa.

Rjm 99

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN: JAWAB LISAN

**DARIPADA : YBTUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN : 2

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah masalah serta cabaran yang dihadapi di dalam pelaksanaan dasar Pelan Transformasi Luar Bandar yang diumumkan oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Luar Bandar (RTP) telah diletakkan sebagai fokus ketiga dalam Bajet 2012 yang dibentangkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011. RTP bertujuan untuk mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik minat pelabur swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat di kampung-kampung. Terdapat lima (5) program utama yang dilaksanakan di bawah RTP seperti berikut:

- (i) Program Pembangunan Luar Bandar secara menyeluruh melibatkan usaha mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC);
- (ii) Program Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI);
- (iii) Program Perkhidmatan Perbankan Luar Bandar;

- (iv) Program Memperkuuh Perkhidmatan Bas di Luar Bandar; dan
- (v) Program Pembangunan dan Kebajikan Orang Asli.

Di antara masalah dan cabaran yang dihadapi di dalam pelaksanaan RTP adalah seperti berikut:-

- (i) Penerimaan konsep dan pendekatan yang diambil dalam melaksanakan RTP oleh golongan sasar masih belum memuaskan;
- (ii) Masalah kurangnya peneraju atau kepimpinan desa bagi menggerakkan aktiviti ekonomi kerana kekurangan anak muda yang berpendidikan tinggi tinggal dan bekerja di kampung;
- (iii) Saiz penempatan yang kecil dan berselerakan menyebabkan kos penyediaan kemudahan asas yang tinggi dan kurang praktikal. Corak penempatan sebegini juga memberikan implikasi kepada tahap capaian program-program

pembangunan dan kegagalan terhadap aktiviti ekonomi serta keusahawanan yang dijalankan;

- (iv) Kelemahan pasaran dan pemasaran, di mana kebanyakannya aktiviti ekonomi luar bandar masih terhad kepada pengeluaran produk mentah, berkualiti rendah dan tidak memenuhi keperluan sebenar pengguna. Rantaian nilainya tidak berintegrasi dengan kehendak pasaran dan tidak komprehensif dari peringkat bekalan/input kepada pengguna. Kapasiti untuk menawarkan barang dalam kuantiti yang banyak juga terhad; dan
- (vi) Masalah saiz tanah yang tidak ekonomi di mana proses pemecahan kecil hak milik tanah yang berterusan menambahkan lagi masalah saiz pemilikan sedia ada.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[PENGERANG]
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah terdapat sebarang perancangan bagi memberikan insentif pemindahan seperti bot, enjin dan pukat kepada golongan nelayan pesisir pantai bagi membolehkan mereka menangkap ikan di kawasan laut dalam.

JAWAPAN OLEH : Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang DiPertua,

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia menyediakan kemudahan dalam bentuk pinjaman dana nelayan melalui **Program Transformasi Nelayan**. Program ini memberikan kemudahan kredit kepada nelayan secara berkumpulan 3 hingga 5 orang dengan nilai maksimum pinjaman yang diperoleh sehingga RM500,000.00 setiap kumpulan. Kemudahan ini adalah bertujuan untuk pembinaan bot lengkap dengan alatan penangkapan ikan.

Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada nelayan pesisir pantai yang ingin menangkap ikan di laut dalam.

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH – PAS]**

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN NO. 4

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk bekerjasama dengan negara-negara serantau berhubung pembangunan belia, khususnya bagi mereka yang beragama islam.

JAWAPAN

1. Kementerian sentiasa mengadakan program kerjasama dengan negara-negara serantau berhubung pembangunan belia dalam pelbagai bidang dan sektor. Umpamanya mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia berkenaan program pembangunan belia dan sukan.

2. Pelaksanaan program-program tersebut melibatkan penglibatan peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Setiap pengisian program juga sentiasa menekankan aspek-aspek kerohanian terutama bagi masyarakat beragama Islam manakala aspek nilai-nilai murni bagi belia bukan beragama Islam.

SOALAN NO.: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING

KAWASAN : BINTULU

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

**YB. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) jumlah peruntukan yang disediakan untuk menyelenggara Jalan Bintulu-Miri dan Bintulu-Sibu; dan

- (b) apakah jaminan Kementerian terhadap kualiti dan keadaan jalan dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memberikan keutamaan bagi meningkatkan kualiti jalan perhubungan darat di Sarawak, khususnya Jalan Persekutuan Pan-Borneo. Ini termasuklah laluan Jalan Pan Borneo Sibu – Bintulu - Miri sepanjang hampir 400 kilometer yang kini diselenggara oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dilantik oleh Kerajaan.

Bagi tahun 2012 ini, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM41.35 juta bagi maksud melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan berkala di sepanjang Jalan Sibu-Bintulu-Miri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM11.88 juta ialah untuk tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, seperti menampal lubang jalan (*potholes*), meratakan bahu jalan (10% daripada keseluruhan panjang jalan yang diselenggara), memotong rumput (sebulan sekali), mencuci perabot jalan (2 kali setahun), mencuci pembetung dan jambatan (2 kali setahun), mencuci longkang (2 kali setahun) dan pemeriksaan berjadual di sepanjang jalan terlibat (2 kali seminggu). Manakala sebanyak RM29.47 juta lagi telah diperuntukkan untuk kerja-kerja berkala (*periodic*), antaranya melibatkan skop penurapan semula jalan yang rosak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini sentiasa memastikan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh

syarikat konsesi ini perlu mematuhi piawaian prestasi yang telah dipersetujui oleh Kerajaan dan syarikat konsesi sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Sehubungan itu jika terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, JKR akan mengeluarkan amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan atau NCR (*Non-Conformance Report*) dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan. Bagi tempoh 3 tahun terakhir ini (2009 hingga 2011), sebanyak 198 NCR telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat konsesi di Negeri Sarawak. Di samping itu, Perjanjian Konsesi tersebut akan disemak semula dalam tempoh setiap 5 tahun sehingga tempoh sebenar konsesi itu tamat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YBHG. DATO SERI ZAHRAIN
MOHAMED HASHIM**

KAWASAN : Bayan Baru

TARIKH : 28.6.2012 (Khamis)

NO. SOALAN : 6

YBHG. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah keberkesanan dan impak kepada pengusaha-pengusaha tempatan apabila Kerajaan meliberalisasi beberapa sub sektor perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan dan perundangan.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah dalam meliberalisasikan sektor perkhidmatan melalui rundingan pelbagai hala, dua hala dan autonomous.

Liberalisasi sektor perkhidmatan dalam ASEAN telah dilaksanakan secara progresif di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS) sejak tahun 1995. Sehingga kini, di bawah AFAS-8, Malaysia telah membuat komitmen dalam 96 sub-sektor perkhidmatan.

Pada 22 April 2009, Kerajaan telah mengumumkan liberalisasi 27 sub-sektor perkhidmatan secara serta-merta.

Pada 7 Oktober 2011 dalam Ucapan Belanjawan 2012, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan liberalisasi selanjutnya dari segi pegangan ekuiti asing bagi 17 subsektor perkhidmatan yang akan dilakukan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2012.

Liberalisasi sektor perkhidmatan adalah untuk memperkuatkan sumbangan perdagangan dan pelaburan sektor perkhidmatan di dalam struktur ekonomi negara di masa hadapan.

Langkah liberalisasi ini mendukung usaha-usaha transformasi ekonomi Malaysia yang dijangka dapat membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui proses integrasi ke dalam pasaran global dan dapat seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan rakyatnya berpendapatan tinggi.

Melalui liberalisasi, suasana ekonomi negara akan menjadi lebih menarik bagi pelabur-pelabur asing untuk datang melabur di Malaysia. Langkah pembukaan pasaran ini akan membantu kemasukan teknologi dan kemahiran baru ke dalam negara. Pada masa yang sama, pelaburan asing akan dapat meningkatkan kapasiti domestik dan memenuhi jurang dalam industri perkhidmatan di mana Malaysia kekurangan tenaga dan kepakaran.

Di samping itu, pembukaan pasaran ini juga mampu memberi peluang usahasama di antara pelabur asing dengan syarikat-syarikat tempatan, serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan tawaran pendapatan yang tinggi untuk rakyat.

Berdasarkan statistik pelaburan bagi tahun 2011, adalah diperhatikan bahawa jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan telah meningkat sebanyak 91.8% kepada RM70.4 bilion berbanding RM36.7 bilion pada 2010. Sungguhpun sumbangan pelaburan asing menunjukkan peningkatan kepada 25.4% pada 2011 berbanding 11.2% pada 2010, jumlah pelaburan tempatan masih tinggi iaitu RM52.4 bilion pada 2011 dan RM32.6 bilion pada 2010.

Tuan Yang DiPertua,

Peluang pelaburan dalam sektor perkhidmatan masih luas dan mampu memenuhi keperluan pelabur-pelabur tempatan dan asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 7

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapakah Kementerian mengiktiraf ijazah dari 146 buah universiti china dan tidak mempertimbangkan pengiktirafan ijazah universiti taiwan.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan terbaru institusi pengajian tinggi Republik Rakyat China yang diiktiraf Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ialah sebanyak 820 buah. Ini merupakan senarai yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran Republik Rakyat China kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pengiktirafan ini adalah hasil pelaksanaan *Framework Agreement to Facilitate Mutual Recognition in Academic Higher Education Qualifications*, dengan izin, antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China yang telah dimeterai pada 28 April 2011. Sukacita saya maklumkan kepada dewan yang mulia ini, senarai 820 buah universiti ini akan dimuatnaik di laman web MQA pada 1 Julai 2012.

Buat masa ini, Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA, selaku agensi jaminan kualiti Malaysia, sedang dalam proses akhir penanda aras dengan agensi jaminan kualiti Taiwan iaitu *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan* atau HEEACT, dengan izin. Apabila proses ini

dimuktamadkan dalam masa yang terdekat ini, satu Kenyataan Keyakinan Bersama ataupun *Statement of Confidence*, dengan izin, akan dikeluarkan oleh MQA dan HEEACT.

NO SOALAN : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE
MAT
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 28 JUN 2012
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kejayaan yang dicapai sehingga kini oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) bagi membantu kementerian mencapai tahap teknologi tinggi menggunakan kepakaran tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

STRIDE telah memainkan peranan penting dalam membantu Kementerian Pertahanan dalam mencapai tahap teknologi tinggi dengan menggunakan kepakaran tempatan. STRIDE berkeupayaan untuk melaksanakan pengujian dan penilaian pelbagai peralatan pertahanan dan sistem persenjataan milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sama ada untuk tujuan perolehan, penggunaan atau kajian-kajian kesesuaian dan operasi.

Keupayaan ini memberi lebih jaminan dari segi kebolehpercayaan (*reliability*) dan keupayaan sistem persenjataan dan seterusnya memberi lebih keyakinan kepada ATM untuk menggunakan peralatan pertahanan dan sistem yang dimiliki di dalam mempertahankan negara.

Kejayaan pertama yang dicapai oleh STRIDE sehingga kini adalah Ujinilai Prestasi Peralatan Pertahanan. Contoh Ujinilai Prestasi Peralatan Pertahanan yang mencapai tahap teknologi tinggi adalah semua kenderaan darat, senjata dan semua jenis peluru, peralatan perlindungan peribadi, peralatan komunikasi serta peralatan penderia.

Pencapaian kedua STRIDE adalah Penyediaan dan Pengesahan Spesifikasi Teknikal Perolehan Peralatan. STRIDE bertanggungjawab untuk membantu ATM membangunkan spesifikasi peralatan untuk tujuan perolehan. Kepakaran STRIDE adalah membantu pihak ATM mendapatkan peralatan atau perkakasan pertahanan yang berteknologi terkini, sesuai dengan iklim, senario dan persekitaran tropika negara, memperolehi peralatan atau perkakasan yang betul dan berkualiti seperti yang diperlukan mengikut keperluan teknikal dalam menjalankan operasi serta membantu kerajaan mendapatkan '*value for money*' dan penjimatan bagi semua perolehan peralatan yang diperolehi.

Pencapaian terakhir STRIDE adalah Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pelbagai bidang Pertahanan. STRIDE telah melaksanakan projek-projek R&D, dengan membangunkan peralatan dan sistem pertahanan untuk ATM. Di antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai adalah Pesawat Udara Tanpa Pemandu, Teknologi Penyamaran dan Rangsum Tempur Khas.

Soalan No. : 9

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN DING KUONG HIING
(SARIKEI)**

TARIKH : 28.06.2012 (KHAMIS)

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan rancangan Kerajaan memperkasakan taraf hidup penduduk luar bandar di bawah NKRA kawasan Sarikei khasnya Program RES di rumah panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk memperkasakan taraf hidup penduduk di luar bandar dan kawasan terpencil. Program NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar yang diterajui oleh Kementerian ini meliputi Program Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dilaksanakan bagi melengkapkan liputan infrastruktur asas dan memastikan kualiti hidup masyarakat luar bandar terus meningkat.

Program BELB atau *Rural Electricity Supply* (RES) dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik ke rumah-rumah di kampung-kampung tradisional di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara termasuklah rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak, perkampungan Orang Asli di Semenanjung

Malaysia, perkampungan di pulau-pulau serta penempatan di estet-estet kecil berkeluasan kurang dari 400 hektar (kurang 1,000 hektar).

Dalam tempoh 3 tahun pelaksanaan NKRA iaitu dari tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 6 projek BELB telah dilaksanakan di Parlimen Sarikei dengan kos keseluruhan berjumlah RM16.14 juta. Sebanyak 19 buah rumah panjang dengan 403 jumlah pintu telah dilengkapi dengan bekalan elektrik sepanjang tempoh tersebut. Butiran terperinci projek dan kos terlibat adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Nama Projek	Bil. Rumah	Kos Projek (RM)
1	Pemohon-pemohon Di Kawasan Sungai Lelabi, Jalan KJD, Meradong	4	162,438
2	Rh Cemaling Ak Jelema, Rumah Saong, Sungai Bakong, Bintagor	5	218,634
3	Rh Luing ak Sandai, Sg. Pama, Gerugu Nyelong	62	2,223,310

Bil.	Nama Projek	Bil. Rumah	Kos Projek (RM)
4	Rh Rangi ak Kudi, Rh Embas ak Jantai, Ulu Sg Paoh	14	255,583
5	Rh Mawan, Rh Sg Minus, Rh Keli/Rh Achan Sg Minus, Jakar	18	230,953
6	Rh Mok, Rh Panting, Rh Usop, Rh Kibong, Rh Lidom, Rh Janggu, Rh Nyadang, Rh Ayup, Rh Inting, SK Ng Lasi, Sek. KEMAS Ng Lasi, Klinik Desa Ng Lasi	300	13,048,416
JUMLAH		403	16,139,336

Pada masa hadapan, Kementerian akan meneruskan agenda pembangunan luar bandar dan mempergiatkan lagi usaha ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar termasuklah di Parlimen Sarikei. Perancangan pembangunan yang dibuat oleh Kementerian adalah berdasarkan keperluan sebenar masyarakat di Parlimen Sarikei sendiri.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Program-program Kementerian untuk memperkasakan taraf hidup masyarakat luar bandar:

- (a) Program Pembangunan Modal Insan
 - i. Pembangunan modal insan TASKA/TABIKA oleh KEMAS;
 - ii. Program Latihan Kemahiran dan Kemajuan Kerjaya (PLKK) di bawah Kementerian;
 - iii. Program latihan kemahiran di bawah MARA seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran MARA dan GIATMARA dalam pelbagai bidang kemahiran.
 - iv. Program latihan kepada JKKK/JKKKP;
- (b) Program Pembangunan Ekonomi
 - i. Program Kemajuan Ekonomi Luar Bandar (PKELB) yang meliputi Program Latihan dan Bimbingan Usahawan, Program Premis dan Gerai Perniagan, Program Pemasaran dan Promosi, Program Pertanian Komersil dan Pelancongan Desa, Program Pembangunan Ekonomi dan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED);
 - ii. Program-program keusahawanan yang dilaksanakan oleh MARA seperti Program Latihan Keusahawanan, Program Skim Khidmat Nasihat Perniagaan, Program Pembangunan Usahawan dan Program Pembangunan Teknousahawan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan berapa banyak pegawai awam disiasat untuk kes rasuah semenjak tahun 2005 dan berapa ramai dituduh serta keputusannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh tujuh tahun yang lepas (2005 hingga 2011), seramai 816 orang penjawat awam telah pun dituduh di mahkamah atas pelbagai kesalahan rasuah. Dalam tempoh tersebut menyaksikan seramai 324 orang kakitangan kerajaan telah pun disabitkan atas pertuduhan di mahkamah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bolehkah Kementerian menaik taraf SMK Agama Limbang menjadi sebuah Kolej Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan pembangunan pendidikan dan akses pendidikan yang menjadi faktor utama dalam pembangunan modal insan yang berkualiti. Berkaitan dengan naik taraf Sekolah Kebangsaan Agama (SMKA) Limbang menjadi sebuah Kolej Islam, penukaran status ini perlu merujuk kepada peraturan dan syarat-syarat yang berkuatkuasa. Kementerian akan meneliti kewajaran penukaran status seperti yang cadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Perlu dijelaskan bahawa, Lulusan daripada SMKA ataupun Kolej Islam akan melalui laluan yang sama untuk ke pusat pengajian tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Manickavasagam A/L Sundaram [Kapar]

TARIKH : 28 Jun 2011 (Khamis)

SOALAN : 12

Tuan Manickavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan jangka panjang daripada berlakunya mogok oleh pemandu lori kontena di Pelabuhan Klang serta sebab-sebab operator depot kontena dibenarkan mengutip "gate charges" dan peranan Lembaga Pelabuhan Klang dalam menjaga kebijakan pemandu lori kontena.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa khas yang ditubuhkan susulan protes oleh pemandu lori kontena di Lembah Kelang telah meneliti dan menimbangkan tiga cadangan bagi maksud penyelesaian jangka panjang seperti berikut:

- (i) Pihak Berkuasa Tempatan mensyaratkan supaya surat sokongan daripada lembaga pelabuhan diperolehi bagi permohonan lesen depot atau pembaharuan lesen. Di bawah mekanisme ini, lembaga pelabuhan akan menjalankan audit ke atas depoh-depoh untuk memastikan

- depoh dapat memberi perkhidmatan mengikut piawaian prestasi yang ditetapkan;
- (ii) Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mengelaskan semua depoh kontena sebagai terminal kargo yang akan dikawal selia di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010; dan
 - (iii) Pengujudan '*depot booking system*' yang menyeluruh dan sistematik bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan di depoh-depoh.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, *Depot Gate Charge* (DGC) adalah merupakan '*commercial decision*' oleh pihak industri dan ianya dikenakan atas perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha depoh.

Lembaga Pelabuhan Kelang bersama-sama dengan agensi kerajaan berkaitan telah mengambil inisiatif meyakinkan kedua-dua pihak terlibat (syarikat *hauliers* dan syarikat pengusaha depoh) supaya menandatangani persefahaman yang antara lainnya menggariskan tentang pelaksanaan sistem akaun kredit bagi mengatasi pembayaran DGC secara tunai oleh pemandu lori *hauliers*. Dengan pengenalan sistem akaun kredit tersebut, caj DGC akan dibayar oleh syarikat *hauliers* dan bukan lagi di dahulukan oleh pemandu lori *hauliers*.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR B. ZAKARIA [PARIT]
TARIKH : 28 JUN 2012
SOALAN : Tuan Mohd Nizar B. Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Dalam memajukan industri agromakanan, apakah halangan-halangan yang dilihat boleh membantutkan usaha bagi memajukan industri agromakanan negara pada masa depan

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam memajukan industri agromakanan, terdapat beberapa halangan yang boleh membantutkan usaha untuk memajukan industri agromakanan negara pada masa depan. Faktor utama termasuklah sumber tanah yang terhad. Persaingan guna tanah pertanian dengan sektor-sektor lain telah mengekang usaha untuk memajukan pertanian secara komersial dan berskala besar. Keluasan fizikal tanah untuk pertanian telah berkurangan daripada 999.3 ribu hektar pada tahun 2000 kepada 922 ribu hektar pada tahun 2010. Dianggarkan tanah untuk tujuan pengeluaran makanan ini di unjur terus menurun kepada 841 ribu hektar pada tahun 2020 disebabkan oleh penukaran kawasan tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit serta pembangunan kawasan kediaman dan industri.

2. Selain itu, produktiviti sektor agromakanan yang masih rendah disebabkan oleh faktor seperti pengeluaran berskala kecil, bilangan pengusaha yang ramai dan kekurangan penggunaan teknologi telah menyebabkan industri ini kurang berdaya saing. Benih dan baka tradisi yang masih digunakan juga telah

menyebabkan pengeluaran hasil yang rendah. Bekalan benih dan baka ternakan berkualiti yang sukar didapati dalam negara telah memberi kesan ke atas usaha peningkatan produktiviti di mana pengusaha terpaksa mendapat bekalan melalui import pada harga yang tinggi.

3. Kos pengeluaran yang tinggi turut membebankan pengeluar dengan kenaikan harga input terutamanya baja, racun perosak, petrol dan diesel. Peningkatan kos pengeluaran ini telah menyebabkan kadar keuntungan petani, penternak dan nelayan semakin menurun.

4. Pergantungan sektor ini kepada tenaga kerja asing juga dilihat semakin meningkat melebihi 5 kali ganda daripada 45,000 orang pada tahun 2005 kepada 233,400 orang pada tahun 2010. Ini disebabkan oleh persepsi pekerja tempatan terhadap pekerjaan ladang yang kotor, bahaya dan memerlukan ketahanan fizikal menyebabkan kurangnya minat tenaga kerja tempatan dalam sektor ini.

5. Insiden serangan perosak dan penyakit sebagai contoh siput gondang yang telah menjaskan pengeluaran padi, penyakit mati rosot betik dan layu bakteria (moko) pada tanaman pisang, jangkitan virus seperti bintik putih pada ternakan akuakultur juga telah menjaskan pengeluaran agromakanan. Selain itu, faktor seperti pemindahan dan pengkomersilan R&D yang masih rendah serta kurangnya minat sektor swasta untuk melibatkan diri dalam sektor ini merupakan antara cabaran yang perlu ditangani bagi memajukan sektor agromakanan negara.

SOALAN NO.: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

KAWASAN : SHAH ALAM

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos tambahan pembinaan Hospital Shah Alam berbanding kos asal dan apakah tempoh tambahan untuk pembinaannya berbanding tempoh kontrak asal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek membina Hospital Shah Alam, Selangor telah dimulakan pada 15 November 2007 dengan nilai kontrak sebanyak RM482.6 juta. Walau bagaimanapun projek yang sepatutnya disiapkan pada 25 Jun 2011 itu telah ditamatkan kontrak pada 3 September 2010 disebabkan masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Sehingga tarikh kontrak ditamatkan, kemajuan kerja di tapak pembinaan ialah 27% berbanding 38.9% mengikut jadual asal, manakala jumlah pembayaran yang terlibat ialah sebanyak RM139.9 juta.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada bulan September 2011 untuk melantik kontraktor penyiap bagi meneruskan baki kerja-kerja yang terbengkalai itu. Pada 10 Oktober 2011 Kementerian Kerja Raya telah melantik kontraktor yang baru bagi meneruskan pelaksanaan projek ini, melibatkan harga kontrak sebanyak RM410.87 juta. Sehingga 31 Mei 2012, kemajuan kerja-kerja pembinaan fizikal di tapak projek berjalan dengan lancar dan mengikuti jadual, iaitu 17%. Berdasarkan kontrak semasa, projek ini dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh 24 bulan, iaitu pada 18 Oktober 2013.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 28.06.2012 (KHAMIS)

SOALAN : 15

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan setakat manakah tindakan Kerajaan untuk memperuntukkan semula penyaluran bekalan elektrik luar bandar ke sembilan (9) buah rumah panjang yang telah ditarik balik tahun 2010 seperti Rh. Atit, Titok, Rh. Lampas, Titok, Rh. Minggat, Titok, Rh. Isau, Gelong, Rh.

Unchat, Nibong Baru, Rh. Tayan, Nibong, Rh. Antau, Bunu Beging, Rh. Egar, Bukit Tungku dan Rh. Kudang, Berenggang.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di sembilan (9) buah rumah panjang yang dinyatakan telah diluluskan untuk perlaksanaan pada tahun 2009. Bagaimanapun, pelaksanaan projek terpaksa ditangguhkan kerana masalah izin lalu daripada pihak SALCRA yang tidak membenarkan laluan kabel voltan tinggi melalui tanah milik mereka.

Persetujuan yang diberikan oleh SALCRA untuk memasuki tapak hanya selepas pampasan dibayar kepada pihak mereka bergantung pada bilangan pokok kelapa sawit yang terpaksa ditebang untuk laluan kabel voltan tinggi. Perkara ini masih di peringkat perbincangan

di antara Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) dan pihak SALCRA.

Bagaimanapun, KKA telah menyenaraikan sembilan (9) buah rumah panjang terbabit untuk pelaksanaan projek di dalam kontrak BELB tahun 2012. Tarikh milik tapak telah bermula pada 1 Jun 2012 dan kontraktor yang dilantik kini sedang di peringkat kerja-kerja *survey* sebelum kerja-kerja ditapak bina dijangka dimulakan pada bulan Oktober 2012.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan LKIM di dalam menstabilkan harga ikan di dalam negara kita dan berapa jumlah ikan yang diimport dari negara luar serta namakan negara pengeksport tersebut.
JAWAPAN OLEH : Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang DiPertua,

Di antara usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi menstabilkan harga ikan dalam negara ialah:

- (i) menggalakkan pengimport mengimport spesies ikan tertentu mengikut musim supaya bekalan ikan dapat memenuhi permintaan dalam negara; dan
- (ii) melaksanakan Program Insentif Hasil Tangkapan bagi menggalakkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan mereka dalam negara seterusnya membantu menambahkan bekalan ikan dalam negara.

Berdasarkan data yang diperoleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, jumlah keseluruhan import ikan pada tahun 2011 dalam bentuk segar dan sejuk beku ke Malaysia adalah sebanyak 433,218.74 tan metrik. Selain untuk keperluan orang ramai, ikan ini juga diimport untuk perusahaan-perusahaan kilang pemprosesan bagi produk nilai tambah untuk pasaran domestik dan eksport.

Negara pengeksport terbesar adalah Thailand dan Indonesia yang merangkumi hampir 40% daripada jumlah keseluruhan import ikan ke Malaysia. Negara-negara pengeksport lain adalah seperti India, Pakistan, Bangladesh, China dan Vietnam.

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
JAWAPAN OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kriteria meluluskan permohonan pusat dialisis (haemodialysis centre) tajaan NGO atau sektor swasta dan berapakah jangka masa pemprosesannya. Apakah rintangan yang menghalang Kementerian daripada meluluskan permohonan St John's Ambulance (Cabang Selangor) untuk menawarkan khidmat dialisis berkenaan di Taman Maju Jaya, Kawasan Parlimen Pandan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kualiti jagaan kesihatan pesakit di pusat hemodialisis swasta, selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya.

Kriteria-kriteria bagi meluluskan permohonan pusat dialisis (pusat haemodialisis swasta) sama ada tajaan NGO atau sektor swasta adalah seperti berikut:

- i. Permohonan Borang 1 dan Borang 3 yang dikemukakan adalah lengkap dan sahih, disertakan dengan dokumen sokongan dan fizikal pemprosesan;
- ii. Lesen hanya akan dikeluarkan setelah pemohon menunjukkan kemampuan dan mempunyai -
 - (a) Orang yang bertanggungjawab (OYB) iaitu seorang pengamal perubatan berdaftar dan mempunyai latihan 200 jam dalam perawatan hemodialisis;
 - (b) Staf yang mengendalikan pesakit (jururawat atau penolong pegawai perubatan) adalah cekap dan terlatih dalam perawatan hemodialisis dengan nisbah 1 staf untuk 6 orang pesakit;
 - (c) Pakar nefrologi pelawat untuk memantau pesakit secara berkala, sekurang-kurangnya 3 bulan sekali; dan
 - (d) Infrastruktur yang teratur dan ruang yang mencukupi termasuk ruang rawatan $4.5m^2$ bagi setiap pesakit, ruang untuk peralatan dan kelengkapan perawatan dialisis. Ini amat penting bagi mengurangkan risiko pencemaran dan jangkitan silang seperti Hepatitis B, Hepatitis C dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Jangka masa memproses permohonan kelulusan dan lesen pusat hemodialisis swasta adalah bergantung kepada permohonan yang dikemukakan. Permohonan yang lengkap dan mematuhi keperluan yang ditetapkan boleh diproses dalam tempoh kurang daripada 30 hari.

Walau bagaimanapun, pada kebiasaananya lesen akan dikeluarkan sebaik sahaja pihak pemohon mematuhi keperluan asas pelesenan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak dapat meluluskan permohonan St John's Ambulance (Cabang Selangor) untuk menawarkan khidmat dialisis berkenaan di Taman Maju Jaya, Kawasan Parlimen Pandan kerana perkara-perkara berikut:

- i. Premis tersebut adalah premis baru dan belum beroperasi yang tidak mematuhi keperluan asas pelesenan termasuk tiada doktor dengan latihan 200 jam dalam perawatan hemodialisis sebagai Orang Yang Bertanggungjawab, tiada staf kejururawatan dengan kelayakan perawatan hemodialisis dan ketidakpatuhan infrastruktur;
- ii. Tiada maklum balas lengkap dikemukakan terhadap surat Kementerian bertarikh 11 Januari 2012 dan 24 April 2012; dan

iii. Semua 13 premis sedia ada yang dikendalikan oleh St John's Ambulance (Cabang Selangor) masih belum mendapat lesen kerana tidak mematuhi keperluan asas pelesenan sepetimana yang ditetapkan di atas. Keperluan tersebut telah dimaklumkan melalui perbincangan, mesyuarat dan surat. Sejak tahun 2006, Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak St. John's Ambulance sebanyak lebih daripada 10 kali.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sangat mengambil berat isu keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan yang disediakan di Malaysia. Kementerian juga amat menghargai usaha semua pihak yang prihatin dan sudi memberi bantuan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis tersebut.

Walau bagaimanapun, adalah amat penting bagi Kementerian untuk memastikan bahawa premis yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan hemodialisis tersebut dikendalikan oleh staf yang mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman dalam perawatan hemodialisis bagi memastikan rawatan yang diberikan dapat membantu pesakit meningkatkan kualiti hidup mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 18

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pensyarah yang bertugas sepenuh masa di setiap fakulti perubatan awam dan swasta pada tahun 2011. Apakah pecahan pengalaman klinikal mereka kurang daripada 10 tahun sejak dapat ijazah pertama, antara 11 hingga 20 tahun selepas ijazah pertama, dan lebih daripada 20 tahun sejak mendapat ijazah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, bilangan pensyarah yang bertugas sepenuh masa di fakulti perubatan IPTA adalah seramai 1,723 orang, manakala di fakulti perubatan IPTS pula adalah seramai 485 orang pensyarah. Pada masa ini, Pusat Data Kementerian Pengajian Tinggi tidak mempunyai rekod yang terlalu spesifik seperti pecahan pengalaman klinikal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : 19

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) Kaedah yang digunakan untuk memantau kemasukan kenderaan asing ke negara ini; dan
- (b) Berapakah jumlah kenderaan asing yang melalui pintu sempadan dan, kenapa, kenderaan Thailand yang menyalahi peraturan termasuk bercermin gelap dibenarkan mudah ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Aliran keluar masuk kenderaan pendaftaran asing persendirian ke Malaysia adalah dipantau oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melalui Permit Edaran Antarabangsa (*International Circulation Permit – ICP*). Walau bagaimanapun, pengeluaran ICP ini dikecualikan kepada kenderaan-kenderaan persendirian Singapura dan Brunei sepetimana yang ditetapkan di dalam dalam Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya. Bagi kenderaan pendaftaran asing perdagangan pula, pemantauan dibuat melalui permit khas yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah atau Sarawak.

Jumlah kenderaan persendirian pendaftaran asing yang masuk ke Malaysia berdasarkan kepada ICP adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH
2010	123,759
2011	124,944
Sehingga 30 April 2012	79,507
JUMLAH KESELURUHAN	328,210

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kenderaan Thailand dibenarkan memasuki negara ini sejauh dua kilometer tanpa insuran pelindung/ICP berdasarkan Perjanjian Dua Hala Malaysia-Thailand yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 April 1994. Dengan kelulusan tersebut kenderaan Thailand bebas keluar masuk ke negara ini tanpa menjalani pemeriksaan JPJ dalam lingkungan 2 kilometer sahaja. Walau bagaimanapun, kelonggaran ini kadang kala disalahgunakan di mana terdapat sesetengah kenderaan tersebut bergerak melepas jarak yang dibenarkan. Bagi menangani masalah ini, JPJ sentiasa menjalankan penguatkuasaan di mana bilangan saman yang dikeluarkan terhadap kenderaan Thailand adalah seperti berikut bagi tahun 2009 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN SAMAN
2009	1,050
2010	1,217
2011	1,629
JUMLAH KESELURUHAN	3,896

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B DATUK LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]
TARIKH : 28 JUN 2012
SOALAN :

Dr Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa tempat letak kereta di poliklinik Luyang tidak ditambah, permukaan jalan pecah tidak dibaiki dan struktur bangunan berkeretakan besar tidak dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua,

Tempat Letak Kereta Tidak Ditambah

Klinik Kesihatan Luyang telah mula beroperasi sejak 1 April 1999. Bilangan tempat letak kereta untuk pesakit di KK Luyang hanya 40 petak sahaja. Ianya tidak mencukupi kerana kedatangan pesakit ke Klinik Kesihatan Luyang telah meningkat sejak kebelakangan ini. Anggaran purata pesakit yang datang ke klinik ialah 700-1000 dalam sehari.

Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu menghadapi masalah mendapatkan tapak letak kereta yang sesuai bagi membina tempat letak kereta tambahan. Sebagai langkah sementara bagi mengatas-

kesesakan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bersetuju memberi kebenaran menggunakan sebahagian dari kawasan tanah lapang di Taman Bestari berhampiran KK Luyang untuk tempak letak kereta. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia tidak dapat meluluskan peruntukan bagi membina tempat letak kereta tambahan yang kekal di tapak berkenaan kerana tapak tersebut adalah milik DBKK dan bukan milik KKM.

Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kesesakan di dalam kawasan Klinik Kesihatan Luyang seperti menempatkan kenderaan jabatan di luar kawasan klinik kesihatan, membaiki tempat letak kereta yang rosak serta berlubang dan mengarahkan pengawal keselamatan mengawal lalu lintas dengan memberi keutamaan kepada pesakit. Pesakit dan pelawat juga adalah digalakkan untuk menggunakan kemudahan pengangkutan awam.

Tuan Yang Di Pertua,

Menyentuh mengenai kerosakan jalan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah menyelenggara dan membaiki jalan tersebut pada 26 Mei 2012. Masalah keretakan bangunan Klinik Kesihatan Luyang berlaku adalah disebabkan oleh mendapan tanah kerana KK Luyang telah dibina di atas tapak berpaya. Kadar pemendapan tanah yang berlaku telahpun dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya Sabah pada tahun 2009 bagi memastikan integriti struktur bangunan dan keselamatan pelanggan. Oleh itu, KK Luyang telah disahkan masih selamat untuk digunakan

Jabatan Kesihatan telah membelanjakan peruntukan yang banyak untuk membaiki keretakan bangunan, membaiki saluran paip air yang berulang kali bocor, membaiki sistem pembentungan najis yang berulang kali tersumbat termasuk penggantian pagar klinik. Sebagai contoh, sebanyak RM72,740.00 dibelanjakan untuk membaiki dan menaik taraf tandas klinik pada tahun 2009. Sebanyak RM80,000.00 telah dibelanja untuk membaiki sistem perpaipan pada Julai 2010. Pagar klinik yang retak telah juga dibaiki pada tahun 2010. Terkini, Jabatan Kesihatan Negeri telah menyalurkan peruntukan RM100,000.00 pada bulan Mei 2012 kepada Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu untuk membaiki keretakan yang berlaku pada bangunan dan jalan yang rosak dalam kawasan Klinik Kesihatan Luyang.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kerosakan bangunan yang berlaku disebabkan masalah mendapan tanah di Klinik Kesihatan Luyang kerana ia boleh menjadikan keselesaan pelanggan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : 21

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian ada statistik dan membuat kajian ke atas kes kemalangan jalan raya yang meningkat setiap tahun. Apakah punca sebenar kemalangan jalan raya ini yang membawa banyak kerugian kepada kita akibat kehilangan nyawa, harta benda dan tenaga kerja negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kemalangan jalan raya dan kematian meningkat setiap tahun. Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah peningkatan bilangan kenderaan, bilangan pemegang lesen memandu serta tempoh masa yang lebih panjang berada di atas jalan raya. Walau bagaimanapun, untuk makluman, kadar kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia telah mencatatkan penurunan sebanyak 13.9% dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu dari 3.73 pada tahun 2007 kepada 3.21 pada tahun 2011. Perkiraan ini adalah berasaskan kepada indeks kematian bagi 10,000 kenderaan berdaftar selaras dengan petunjuk ataupun *benchmark* yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), kemalangan jalan raya yang berlaku kebiasaannya adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) kecuaian dan sikap pengguna jalan raya iaitu seperti memandu melebihi had laju, memandu secara cuai dan berbahaya;
- (ii) faktor jalan raya dan persekitaran iaitu seperti kerosakan lampu isyarat, jalan berlubang dan licin; dan

- (iii) kegagalan teknikal kenderaan berfungsi iaitu seperti sistem brek, tayar botak dan lusuh.

Bagi tahun 2010, kecuaian dan sikap pengguna menyumbang sebanyak 85.4%, faktor jalan raya dan persekitaran sebanyak 10.62% dan kegagalan teknikal sebanyak 3.64%

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP]
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan harga ikan yang sampai kepada pembeli adalah murah dan apakah tindakan Kerajaan untuk memperbaiki *National Fishermen's Association of Malaysia* (NEKMAT) yang dilihat tidak berfungsi seperti sepatutnya.
JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menubuhkan Pasar Nelayan, di mana pengguna boleh terus membeli daripada nelayan dengan harga yang lebih berpatutan.

Selain itu, penglibatan beberapa Persatuan Nelayan Negeri seperti Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD) dalam pembekalan ikan dan melaksanakan aktiviti penjualan ikan di pasaraya Giant khususnya di Pantai Timur, juga adalah salah satu usaha untuk membekalkan ikan dengan harga yang murah kepada pengguna.

Langkah lain adalah melaksanakan Program Ikan Rakyat (spesies-spesies ikan terpilih) iaitu dengan menetapkan harga siling antara RM6.00 - RM9.00 bagi 7 spesies ikan terpilih melalui Persatuan Nelayan Kawasan dan usahawan pemasar ikan.

Langkah sedang diambil bagi meningkatkan lagi peranan NEKMAT dalam pemasaran ikan hasil keluaran nelayan. NEKMAT telah diarah untuk mengadakan lebih banyak rangkaian kerjasama pemasaran dengan Persatuan-Persatuan Nelayan Kawasan yang berpotensi bagi mendapatkan bekalan ikan untuk dipasarkan kepada pengguna dengan lebih cekap lagi.

Kegiatan pemasaran yang sedang dilaksanakan oleh NEKMAT adalah:

- (i) mengambil langkah menubuhkan pasar-pasar nelayan seperti di Pasar Besar Meru/ Klang, RTC Gopeng, Perak dan juga Sungai Petani, Kedah dengan menjual ikan rakyat serta lain-lain keperluan pengguna;
- (ii) menggiatkan lagi aktiviti jualan pemasaran ikan nelayan melalui 3 buah gerai di Pasar Borang Selayang, Kuala Lumpur; dan
- (iii) mengadakan kontrak membekal ikan air tawar kepada Angkatan Tentera Malaysia sebanyak 28 tan metrik sebulan. Sumber pembekalan ikan air tawar ini akan diperolehi daripada penternak ikan air tawar seluruh negara. Kontrak pembekalan ini dijangka dapat membantu menstabilkan harga ikan air tawar di pasaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Tan Ah Eng minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) Jumlah Pegawai atau Kakitangan Bukan Bumiputera yang berkhidmat di Jabatan Penerangan; dan
- (b) Kaedah-kaedah untuk menggalakkan Rakyat Bukan Bumiputera supaya menceburi bidang penerangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Malaysia adalah seramai 2,318 orang, termasuk 173 orang pegawai dan kakitangan Bukan Bumiputera.

Bagi menggalakkan rakyat Bukan Bumiputera supaya menceburi bidang penerangan, Jabatan Penerangan Malaysia telah melaksanakan program-program yang dekat kepada masyarakat seperti Kelab 1Malaysia di sekolah-sekolah, Komuniti 1Malaysia

SOALAN NO: 1

Bukan Melayu, Pewaris Muda 1Malaysia yang melibatkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dan melalui Pasukan Penceramah Bukan Melayu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : 24

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan terma-terma dan sebab-sebab Sistem Penguatkuasa Automatik dianugerahkan kepada Beta Tegap Sdn Bhd dan ATES Sdn Bhd dan mengapa tanggungjawab penguatkuasaan pelanggaran lalu lintas dan memandu melebihi had laju tidak diberikan kepada pihak polis

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pemilihan syarikat untuk pelaksanaan projek *Automated Enforcement System* (AES) adalah dibuat melalui tawaran tender terhad kepada sembilan buah syarikat berdasarkan kepada pengalaman syarikat, keupayaan teknikal dan kekuahan kewangan. Daripada sembilan syarikat tersebut, hanya tujuh buah syarikat sahaja yang berjaya mengemukakan cadangan teknikal dan pemilihan seterusnya dibuat berdasarkan kepada **penilaian cadangan teknikal** dan **ujian live demonstration** yang melibatkan modul-modul berikut:

- (i) modul pengesanan;
- (ii) modul penghantaran;
- (iii) modul pemprosesan; dan
- (iv) modul pengurusan penguatkuasaan *back office*.

Daripada penilaian tersebut, hanya dua syarikat sahaja iaitu A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. berjaya melepassi ujian yang dijalankan serta memenuhi keempat-empat modul berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan projek ini diberikan kepada dua syarikat secara *outsourcing* untuk tidak membebankan Kerajaan daripada menanggung pembelian peralatan dan pelaksanaan sistem serta kos

operasi. Pelaksanaan AES adalah terhad bagi 831 lokasi *blackspot* yang telah dikenalpasti oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dengan bantuan PDRM. Ini bermakna, pihak PDRM masih boleh dan akan meneruskan penguatkuasaan terhadap dua kesalahan tersebut di luar daripada 831 lokasi kamera AES.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 JUN 2012 [KHAMIS]

**DARIPADA : YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM
FIKRI [KUALA NERUS]**

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengadakan perundingan awal dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi memastikan pemergian jemaah haji Malaysia ke Mekah tidak terjejas akibat isu demonstrasi Bersih baru-baru ini.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Makkah dan Madinah adalah merupakan dua Tanah Suci umat Islam yang suci dan tempat tumpuan beribadah umat Islam dari seluruh dunia.

Sekarang ini, kebanyakkan negara seperti Syria, Libya dan negara-negara Arab lain mempunyai masalah dalaman yang serius namun tiada

pihak dari negara-negara itu yang berani membuat demonstrasi terang-terangan di kota-kota suci Makkah dan Madinah.

Kerajaan Arab Saudi amat menitikberatkan soal keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya di Tanah Suci Makkah dan Madinah. **Tindakan keras boleh diambil ke atas sesebuah negara sekiranya rakyat negara itu didapati bersalah dalam menjalankan aktiviti yang menimbulkan huru-hara seperti demonstrasi jalanan dan sebagainya.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti penyewaan kapal terbang, tempahan hotel, serta lantikan syarikat yang akan membekalkan makanan kepada jemaah, sudah diselesaikan sepenuhnya berdasarkan kuota yang diperuntukkan setiap tahun kepada rakyat Malaysia.

Risiko yang dihadapi adalah, jika sesuatu berlaku seperti tidak mendapat kuota seperti mana kebiasaan, maka impaknya bukan saja boleh menyebabkan kerugian ke atas agensi Kerajaan khasnya Tabung Haji dan syarikat pengurusan haji , tetapi paling besar ialah kesusahan umat Islam yang kebanyakannya sudah selesai menjalani kursus haji dan meletakkan harapan tinggi untuk menunaikan haji pada tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa adalah wajar Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **mengadakan rundingan dengan Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia terlebih dahulu berhubung masa depan kuota jemaah haji dan umrah Malaysia.** Dua pertemuan telah saya adakan dengan TYT Duta

Besar Arab Saudi ke Malaysia, iaitu pada 4 Mei dan 24 Mei 2012. Menurut TYT Duta, pihak perisikan tentera Kerajaan Arab Saudi kini sedang memantau individu-individu yang terlibat dengan perhimpunan BERSIH 3.0 di Makkah dan Madinah. Gambar-gambar CCTV di sekitar kedua-dua lokasi tersebut kini sedang diteliti oleh pihak Kerajaan Arab Saudi sebelum sebarang tindakan yang sewajarnya diambil terhadap mereka yang terlibat dengan perhimpunan itu.

Saya telah menjelaskan kepada TYT Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia mengenai hal sebenar di sebalik penganjuran perhimpunan tersebut dan pendirian Kerajaan Malaysia yang tegas menentang tindakan pihak tertentu untuk menimbulkan masalah melalui perhimpunan tersebut, apatah lagi yang diadakan di luar negara. TYT Duta dapat menerima penjelasan tersebut. Walaupun wakil Kerajaan Arab Saudi masih positif mengenai perkara ini, kita tidak memandang perkara ini sebagai remeh.

Jemaah Menteri juga telah memutuskan bahawa YAB Perdana Menteri hendaklah dirujuk jika Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mengurang atau menggantung kuota jemaah haji Malaysia supaya YAB Perdana Menteri boleh kelak membuat rayuan kepada Raja Arab Saudi.

Dalam masa terdekat, Kerajaan melalui Tabung Haji, telah menghantar surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi bagi menjelaskan isu perhimpunan BERSIH 3.0, serta menyampaikan harapan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap kuota atau peruntukan-peruntukan yang berkait dengan pelaksanaan ibadat haji tahun ini.

Saya juga memohon jasa baik YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, untuk berhubung dengan Kerajaan Arab Saudi khususnya Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, untuk memaklumkan kedudukan dan permohonan kuota haji.

Kesimpulannya, perhimpunan BERSIH 3.0 jelas boleh mengundang banyak implikasi buruk kepada rakyat dan negara bukan sahaja di dalam negeri, malah di peringkat antarabangsa. Kerajaan mengambil serius perkara ini dan berusaha di peringkat tertinggi negara untuk menanganinya, demi menjaga ibadah dan kebajikan bakal haji serta jemaah umrah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 25

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 JUN 2012 [KHAMIS]

**DARIPADA : YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM
FIKRI [KUALA NERUS]**

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengadakan perundingan awal dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi memastikan pemergian jemaah haji Malaysia ke Mekah tidak terjejas akibat isu demonstrasi Bersih baru-baru ini.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Makkah dan Madinah adalah merupakan dua Tanah Suci umat Islam yang suci dan tempat tumpuan beribadah umat Islam dari seluruh dunia.

Sekarang ini, kebanyakkan negara seperti Syria, Libya dan negara-negara Arab lain mempunyai masalah dalaman yang serius namun tiada

pihak dari negara-negara itu yang berani membuat demonstrasi terang-terangan di kota-kota suci Makkah dan Madinah.

Kerajaan Arab Saudi amat menitikberatkan soal keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya di Tanah Suci Makkah dan Madinah. **Tindakan keras boleh diambil ke atas sesebuah negara sekiranya rakyat negara itu didapati bersalah dalam menjalankan aktiviti yang menimbulkan huru-hara seperti demonstrasi jalanan dan sebagainya.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti penyewaan kapal terbang, tempahan hotel, serta lantikan syarikat yang akan membekalkan makanan kepada jemaah, sudah diselesaikan sepenuhnya berdasarkan kuota yang diperuntukkan setiap tahun kepada rakyat Malaysia.

Risiko yang dihadapi adalah, jika sesuatu berlaku seperti tidak mendapat kuota seperti mana kebiasaan, maka impaknya bukan saja boleh menyebabkan kerugian ke atas agensi Kerajaan khasnya Tabung Haji dan syarikat pengurusan haji , tetapi paling besar ialah kesusahan umat Islam yang kebanyakannya sudah selesai menjalani kursus haji dan meletakkan harapan tinggi untuk menunaikan haji pada tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa adalah wajar Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **mengadakan rundingan dengan Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia terlebih dahulu berhubung masa depan kuota jemaah haji dan umrah Malaysia.** Dua pertemuan telah saya adakan dengan TYT Duta

Besar Arab Saudi ke Malaysia, iaitu pada 4 Mei dan 24 Mei 2012. Menurut TYT Duta, pihak perisikan tentera Kerajaan Arab Saudi kini sedang memantau individu-individu yang terlibat dengan perhimpunan BERSIH 3.0 di Makkah dan Madinah. Gambar-gambar CCTV di sekitar kedua-dua lokasi tersebut kini sedang diteliti oleh pihak Kerajaan Arab Saudi sebelum sebarang tindakan yang sewajarnya diambil terhadap mereka yang terlibat dengan perhimpunan itu.

Saya telah menjelaskan kepada TYT Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia mengenai hal sebenar di sebalik penganjuran perhimpunan tersebut dan pendirian Kerajaan Malaysia yang tegas menentang tindakan pihak tertentu untuk menimbulkan masalah melalui perhimpunan tersebut, apatah lagi yang diadakan di luar negara. TYT Duta dapat menerima penjelasan tersebut. Walaupun wakil Kerajaan Arab Saudi masih positif mengenai perkara ini, kita tidak memandang perkara ini sebagai remeh.

Jemaah Menteri juga telah memutuskan bahawa YAB Perdana Menteri hendaklah dirujuk jika Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mengurang atau menggantung kuota jemaah haji Malaysia supaya YAB Perdana Menteri boleh kelak membuat rayuan kepada Raja Arab Saudi.

Dalam masa terdekat, Kerajaan melalui Tabung Haji, telah menghantar surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi bagi menjelaskan isu perhimpunan BERSIH 3.0, serta menyampaikan harapan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap kuota atau peruntukan-peruntukan yang berkait dengan pelaksanaan ibadat haji tahun ini.

Saya juga memohon jasa baik YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, untuk berhubung dengan Kerajaan Arab Saudi khususnya Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, untuk memaklumkan kedudukan dan permohonan kuota haji.

Kesimpulannya, perhimpunan BERSIH 3.0 jelas boleh mengundang banyak implikasi buruk kepada rakyat dan negara bukan sahaja di dalam negeri, malah di peringkat antarabangsa. Kerajaan mengambil serius perkara ini dan berusaha di peringkat tertinggi negara untuk menanganinya, demi menjaga ibadah dan kebajikan bakal haji serta jemaah umrah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

KAWASAN : MARANG

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa Kedua, dan apakah tindakan Kerajaan terhadap kontraktor-kontraktor yang gagal menyiapkan pakej masing-masing sehingga penyiapan projek tersebut tertunda.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sehingga 31 Mei 2012 kemajuan fizikal keseluruhan projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 Negeri Terengganu (LPT2) ialah 80%, mengikut penjadualan semula.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek LPT2 ini telah mengalami kelewatkan disebabkan terdapat 10 pakej di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terpaksa ditender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan dari kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2007/2008. Kaedah penamatkan 9 dari 10 pakej kontrak tersebut dibuat secara persetujuan bersama (*mutual termination*) di mana hanya 50% daripada bon pelaksanaan projek akan dirampas daripada kontraktor berkenaan. Manakala untuk kontraktor yang telah ditamatkan kontrak, iaitu melibatkan kontrak asal Paket 3, perkara ini masih sedang dalam tindakan pihak mahkamah melalui pusat timbang-tara berikutan terdapat writ saman yang dikemukakan oleh pihak kontraktor kepada Kerajaan.

Pada masa kini kontraktor penyiap telah dilantik untuk meneruskan pakej-pakej yang ditender semula itu, kecuali untuk Paket 4 dari stesen MARDI ke Ladang Cherul, Kemaman sepanjang 7 kilometer, dan Paket 7 (Bukit Mempusi ke Felda Kerteh 6, Kemaman sepanjang 13.5 kilometer). JKR ketika ini sedang dalam peringkat akhir untuk melantik kontraktor penyiap di mana kontraktor yang baru untuk kedua-dua pakej

itu dijangka akan dipilih pada bulan Julai 2012 dan projek akan siap dalam tempoh 24 bulan kemudian. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya akan menggiatkan lagi pemantauan di tapak untuk memastikan kemajuan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan tidak lagi berlaku sebarang kelewatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mulai bulan Ogos 2011 yang lalu telah melaksanakan pembukaan secara berperingkat untuk jajaran yang telah disiapkan, iaitu dari Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu sepanjang 72 kilometer. Sehubungan itu, berdasarkan kepada penjadualan semula, keseluruhan projek LPT2 sepanjang 184 kilometer itu dijangka akan siap dan dibuka sepenuhnya kepada lalu-lintas seawalnya pada pertengahan tahun 2014.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SRI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH (KALABAカン)
TARIKH : 28 JUN 2012
SOALAN : LISAN

Datuk Sri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh (Kalabakan) minta Menteri Kesihatan menyatakan bolehkah Kementerian menyatakan berapa bayakkah Klinik 1Malaysia yang dirancang untuk negeri Sabah dan berapa yang sudah dibina dan beroperasi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk tahun 2012, sebanyak 13 Klinik 1Malaysia (K1M) akan dibina di Sabah. Kesemua K1M ini dijangka dapat beroperasi sebelum bulan September 2012.

Sejak K1M diperkenalkan, sebanyak 9 buah K1M telah pun dibina di Sabah dan sedia memberi perkhidmatan. Dari jumlah tersebut 2 lokasi K1M iaitu di Sulaman Central ,Kota Kinabalu dan Bandar Leila Sandakan telah ditempatkan dengan pegawai perubatan sebagai penambahbaikan kepada perkhidmatan.

Senarai 9 Lokasi K1M yang sedang beroperasi di Sabah sehingga kini adalah:

1. Klinik 1Malaysia Lot 334, TB 15058, Batu 10, Jalan Apas, Tawau, Sabah
2. Klinik 1Malaysia Lot 67, Ting. Bawah, Blok H, Bundusan Square, Penampang, Sabah
3. Klinik 1Malaysia Lot 7A & 7B, Ting. Bwh, Blok B, Bandar Leila, Jalan Leila, Sandakan, Sabah
4. Klinik 1Malaysia Lot 37, Ting. Bwh, Blok E, Fasa 2, Sulaman Sentral, Kota Kinabalu, Sabah
5. Klinik 1Malaysia Tingkat bawah, Lot No. 2, Blok A, Bangunan Kedai Taman Ketiau Fasa 1, Putatan, Sabah
6. Lot.No.2, Phase 6, Taman Pengalat Besar, Papar, Sabah
7. Lot.No.3, Ground Floor, Kudat Maju Shopping Centre, Jalan Paduka Mat Salleh, 89059 Kudat, Sabah
8. Lot.Tabika, Blok R, Taman Sri Rugading, KM 8, Jln Telipok Tuaran, 89208 Tuaran, Sabah
9. No 89, Ground Floor, Hexan Industrial Centre, 89107, Kota Marudu Sabah

SOALAN NO : 28

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :LISAN
DARIPADA :TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH :28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN :Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah langkah dan rancangan segera
Kementerian untuk mengatasi masalah eksport sarang
burung walit ke luar negara dan jangkaan pulangan kepada
negara.

JAWAPAN OLEH :Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Sejak Republik Rakyat China (RRC) menetapkan syarat hanya membenarkan import sarang burung walit mengandungi sifar part per million nitrit, ini telah menjelaskan eksport sarang burung walit dari Malaysia ke RRC. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia telahpun mengadakan beberapa siri rundingan bersama *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine* (AQSIQ) RRC sejak bulan Ogos 2011 hingga yang terbaru pada Mei 2012 bagi tujuan memulihkan urusan pengeksportan sarang burung walit ke RRC. Kedua-dua pihak berkuasa di Malaysia dan RRC telah bersetuju untuk memuktamadkan protokol eksport sarang burung walit ke RRC dalam masa terdekat ini.

Hasil rundingan diadakan, pihak RRC bersetuju untuk membenarkan pengimportan sarang burung walit mentah-bersih yang mematuhi piawaian keselamatan makanan tidak melebihi 30ppm kandungan nitrit. Di samping itu, Kerajaan turut menjalin kerjasama dengan pihak industri untuk memastikan

semua pengusaha bersedia melaksanakan langkah-langkah bagi memenuhi tahap piawaian dan kualiti sarang burung yang ditetapkan oleh RRC.

Apabila protokol eksport ini dimuktamadkan dan ditandatangani nanti, eksport sarang burung walit ke RRC akan dapat diteruskan semula dan kembali seperti asal sebelum larangan dikuatkuasakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit jiwa di kalangan rakyat Malaysia termasuk 'Depression' dan 'Bipolar' bagi 3 tahun yang lalu. Apakah tindakan Kementerian untuk membantu rakyat mencegah penyakit ini dan membantu pesakit menghadapi kos rawatan yang tinggi dan berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua

Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2011 telah mendapati bahawa hampir 340,000 (1.8%) orang menghadapi kemurungan. Dari jumlah ini, hanya 46% mendapat rawatan di hospital. KKM, buat masa ini tiada statistik yang khusus untuk penyakit bipolar.

Bagi tujuan pencegahan, selain dari promosi kesihatan mental secara berterusan Kementerian Kesihatan telah membentuk bahan IEC (*Information, Education and Communication*) tentang kemurungan dan pencegahannya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kemurungan dan tanda-tanda awalnya. Garis Panduan Amalan Klinikal pengendalian kemurungan bagi melatih anggota kesihatan mengenalpasti tanda awal kemurungan dan cara menanganinya juga telah disediakan.

Pada tahun ini, KKM akan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memfokuskan kepada aspek kesedaran kemurungan secara berterusan dan melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada Oktober 2012. Aktiviti tersebut akan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi dan pertubuhan bukan Kerajaan.

Kementerian Kesihatan juga menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital kerajaan dengan kepakaran seramai 124 pakar psikiatri. Hospital turut menyediakan perkhidmatan rawatan asertif melalui “mobile team” untuk pesakit mental di rumah. Klinik kesihatan kerajaan menyediakan perkhidmatan rawatan susulan bagi pesakit mental stabil di peringkat kesihatan primer termasuk aktiviti pemulihan psikososial. Selain itu Klinik-klinik kesihatan juga menyediakan perkhidmatan saringan untuk mengesan pesakit yang mengalami keresahan dan kemurungan lebih awal. Di peringkat hospital, perancangan sedang dibuat untuk melaksanakan program pecegahan kemurungan di kalangan pesakit kanser.

Bagi membantu menghadapi kos rawatan yang tinggi dan berpanjangan, buat masa ini mana-mana individu yang mengalami masalah kesihatan mental boleh mendapatkan perkhidmatan saringan, kaunseling dan rawatan di Klinik Kesihatan berdekatan tempat tinggal dengan hanya dikenakan bayaran minima sebanyak RM 1 (satu ringgit). Selain itu KKM sedang merancang penubuhan sebuah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat di setiap negeri bagi meningkatkan capaian (access) perkhidmatan kesihatan mental kepada masyarakat.

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pemansuhan hukuman mati, adakah Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan moratorium sementara.

JAWAPAN:

Kerajaan menyambut baik apa-apa cadangan yang diberikan oleh mana-mana pihak yang menyokong supaya hukuman mati dimansuhkan. Cadangan tersebut, jika meyakinkan, akan diberi pertimbangan yang sewajarnya setelah kajian yang menyeluruh dan penelitian yang rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan juga setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak. Perkara ini adalah sangat mustahak kerana pemansuhan hukuman mati akan memberikan impak yang sangat besar

bukan sahaja kepada sistem perundangan, tetapi yang lebih penting ialah kesannya kepada kesejahteraan masyarakat di Negara kita.

Jika dilihat pada keseriusan jenayah yang berlaku dalam masyarakat hari ini seperti pembunuhan kejam ke atas kanak-kanak yang tidak berdosa yang semakin berleluasa, Kerajaan lebih cenderung untuk mengekalkan hukuman mati bagi mengekang kesalahan-kesalahan berat daripada menjadi semakin parah. Buat masa ini, Kerajaan berpendapat bahawa hukuman tersebut masih perlu dikekalkan bagi menunjukkan ketegasan dan keseriusan Kerajaan dalam menangani masalah jenayah berat. Selain itu, matlamat hukuman tersebut juga telah mengambil kira prinsip pencegahan dan kepentingan awam.

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU)

**TARIKH JAWAPAN : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
DI DEWAN NEGARA**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah pihak Kementerian mengambil kira kemampuan isu bekalan air yang mencukupi di kawasan Lembah Klang, Putrajaya dan Selangor memandangkan pembangunan yang pesat di kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan sentiasa memantau kedudukan bekalan air di semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi memastikan rakyat mendapat bekalan air yang mencukupi dan berterusan. Atas dasar inilah Kerajaan telah melaksanakan kajian pada tahun 2000 bagi memastikan bekalan air yang tersedia kepada pengguna-pengguna di seluruh negara termasuklah di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2050. Dengan mengambil kira kadar pertumbuhan penduduk yang pesat serta kadar pertumbuhan perbandaran yang tinggi di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, kajian tersebut telah mencadangkan pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor bagi memastikan bekalan air yang mencukupi sehingga tahun 2025.

2. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Skim tersebut telah dimulakan pada tahun 2008 setelah didapati bahawa opsyen tersebut merupakan opsyen terbaik dari segi teknikal, ekonomi dan sosial bagi memenuhi permintaan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2025. Pelaksanaan Skim ini dijangka dapat memastikan 8 juta penduduk di kawasan-kawasan tersebut mendapat bekalan air yang mencukupi dan berterusan dari tahun 2014 sehingga 2025 tanpa perlu membina loji-loji rawatan air yang lain.

3. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 yang merupakan sebahagian daripada Skim tersebut telah mengalami kelewatan disebabkan penangguhan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi perkara-perkara yang melibatkan kelulusan pengambilan tanah, penggunaan tanah rizab hutan simpan dan arahan pembangunan. Sehubungan dengan itu, Skim yang sepatutnya dapat membekalkan kapasiti tambahan sebanyak 1,130 juta liter sehari tidak dapat disiapkan pada tahun 2014 seperti yang dijadualkan menyebabkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka menghadapi masalah bekalan air menjelang tahun tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM606 juta untuk melaksanakan projek-projek mitigasi yang dijangka akan dapat meningkatkan kapasiti bekalan air sebanyak 546 juta liter sehari (JLH). Pelaksanaan projek-projek ini dijangka dapat memenuhi permintaan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2016. Bagi memenuhi permintaan air bermula tahun 2017, Projek Loji Rawatan Air Langat 2 perlu dilaksanakan pada tahun 2012 supaya ia dapat disiapkan pada tahun 2017. Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi kelulusan-kelulusan yang diperlukan untuk memulakan pelaksanaannya pada tahun ini.
5. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor masih tetap berpendirian untuk menangguhkan kelulusan-kelulusan tersebut, Kerajaan Persekutuan terpaksa menimbangkan pelaksanaan projek-projek mitigasi tambahan yang sudah tentu akan menyebabkan pembaziran wang rakyat sedangkan jawapan mudah kepada masalah ini ialah pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2. Ini adalah kerana Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor dijangka siap pada tahun 2014 sedangkan Loji Rawatan Air Langat 2 hanya dapat

disiapkan seawal-awalnya pada tahun 2017 disebabkan kedegilan Kerajaan Negeri Selangor. Tanpa loji tersebut, air mentah daripada Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor belum dapat lagi digunakan untuk menampung kekurangan bekalan air yang dijangka berlaku seawal tahun 2014. Berikutan itu, Kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan tambahan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek mitigasi tambahan bagi menangani masalah ketidakcukupan air. Oleh itu, sekali lagi saya menyeru Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak mempolitikkan isu bekalan air ini dan segera memberi kelulusan-kelulusan yang diperlukan supaya Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dapat dilaksanakan dengan segera demi kebaikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Haji Yusoff Bin Haji Mahal [Labuan]

TARIKH : 28 Jun 2012 (Khamis)

SOALAN : 32

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini perkhidmatan feri oleh operator baru bagi laluan Labuan-Menumbok-Labuan yang sehingga kini masih belum beroperasi sepenuhnya.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, empat buah syarikat telah diberi kelulusan untuk mengendalikan perkhidmatan feri di antara laluan Labuan dan Menumbok, Sabah iaitu:

- i) Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd. (Feri RORO),
- ii) Syarikat Labuan Mainland Link Sdn. Bhd. (Feri RORO),
- iii) Syarikat Jutabonus Development Sdn. Bhd. (Feri RORO);
dan
- iv) Syarikat ISRO Shipping Sdn. Bhd. (Feri Penumpang)

Pada ketika ini, hanya Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd. dan Syarikat ISRO Shipping Sdn. Bhd. sahaja yang sedang beroperasi di laluan tersebut.

Syarikat Jutabonus Development Sdn. Bhd. dijangka akan memulakan operasi pada suku tahun ketiga tahun ini atau selewat-lewatnya pada hujung tahun ini. Syarikat Labuan Mainland Link Sdn. Bhd. sedang dalam proses memperolehi pembiayaan kewangan untuk membeli feri RORO mereka.

SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN : Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan melalui konsep dan semangat 1Malaysia yang diterapkan dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta, apakah usaha yang dilakukan untuk melonggarkan konsep representasi kaum dalam setiap perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Urusan pelantikan seseorang ke dalam perkhidmatan awam adalah dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan pelantikan pegawai bagi agensi masing-masing.

Pelantikan calon ke dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan keperluan dan kekosongan jawatan, merit dan kelayakan para pemohon, dan bukanlah faktor kaum sebagai asas pelantikan. Calon-calon yang dipanggil ditemu duga terdiri daripada para pemohon yang telah melepassi proses penyenaraian pendek berdasarkan keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Bagi peringkat diploma dan ijazah, asas tapisan ialah Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dan keperluan

Kementerian atau Jabatan. Penyenaraian pendek ini dilaksanakan bagi mendapatkan bilangan calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga berdasarkan kekosongan sesuatu jawatan yang dilaporkan oleh Kementerian dan Jabatan kepada SPA. Seterusnya, pemilihan seseorang calon untuk dilantik ke perkhidmatan awam adalah berdasarkan prestasi dalam sesi temu duga dan hanya calon yang terbaik sahaja akan ditawarkan sesuatu jawatan.

Walau bagaimanapun, SPA adalah sedar akan bilangan dan peratusan yang sangat kecil dari kaum bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, SPA sentiasa berusaha secara berterusan untuk menggalakkan lebih ramai kaum bukan Melayu mengemukakan permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam. Melalui cara ini, peluang lebih luas akan terbuka untuk SPA melantik calon-calon dari kaum bukan Melayu yang disahkan layak. Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan termasuk:

- (a) Mengadakan *Program Engagement* bersama para pemimpin masyarakat bukan Melayu, media cetak dan elektronik, misalnya, baru-baru ini bersama media kaum India pada 13 Jun 2012 dan media Cina pada 19 Jun 2012.
- (b) Mengadakan promosi kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik serta sekolah dan kolej;
- (c) Menyiarkan “*crawlers*” mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik seperti di televisyen semasa berita Mandarin dan berita Tamil.
- (d) Menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin dalam Portal SPA (www.spa.gov.my).

Dalam sektor swasta, walaupun tidak ada undang-undang khusus yang mewajibkan majikan mengambil pekerja dari kaum-kaum yang tertentu.

Kerajaan, melalui Kementerian Sumber Manusia, khasnya Jabatan Tenaga Kerja (JTK), sentiasa menggalakkan majikan untuk berbuat demikian supaya dapat mencerminkan komposisi kaum yang lebih seimbang. JTK juga membuat pemantauan ke atas para majikan untuk memastikan pekerja-pekerja dilayan dengan adil dan munasabah, tanpa mengira kaum. Semua usaha ini adalah sejajar dengan Gagasan 1Malaysia.

Selain daripada itu, oleh kerana para pelanggan semakin terdiri daripada pelbagai kaum untuk banyak, walaupun bukan semua, produk dan perkhidmatan, maka majikan pun semakin sedar bahawa adalah lebih berkesan dan beruntung sekiranya pekerja mereka adalah terdiri daripada pelbagai kaum. Atas sebab pengaruh pasaran dan pemantauan kerajaan, komposisi kaum di kalangan pekerja sektor swasta didapati menjadi semakin seimbang, kecuali bagi syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan kecil yang hanya dapat dikendalikan oleh ahli-ahli keluarga.

34
NO. SOALAN : 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 28 JUN 2012

RUJUKAN : 4909

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos perbelanjaan PDRM untuk berhadapan dengan himpunan Bersih 3.0.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Buntar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kos keseluruhan bagi perbelanjaan PDRM untuk berhadapan dengan perhimpunan haram BERSIH 3.0 adalah sebanyak RM1.8 juta.

SOALAN 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 JUN 2012

**DARIPADA : Y.B. TUAN KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan :**

Bilangan bukan warganegara Malaysia yang telah memperolehi “*Malaysia My Second Home*”, status dalam sepuluh tahun yang lalu dan negara asal mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gelugor, bilangan warganegara asing yang telah menyertai Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) bagi tempoh 2002–2011 adalah seramai **17,203 orang** daripada **119 buah negara**. Penyertaan warganegara asing daripada 10 buah negara yang tertinggi adalah seperti berikut:-

BIL.	NEGARA KEDIAMAN	JUMLAH (2002- 2011)
1.	China PRC	2,857
2.	Bangladesh	2,082
3.	Jepun	1,789
4.	United Kingdom	1,629
5.	Iran	1,037
6.	Singapura	804
7.	Taiwan	724
8.	Pakistan	698
9.	India	631
10.	Korea	613

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH: 28 JUN 2012

SOALAN: YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan saraan dan keistimewaan untuk Ahli Parlimen :-

- (a) nyatakan tahun terakhir saraan dan keistimewaan Ahli Parlimen dapat dikaji semula; dan
- (b) adakah saraan dan keistimewaan Ahli Parlimen pada masa kini cukup menampung tugas dan perkhidmatan seorang Ahli Parlimen.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari beban tugas dan tanggungjawab Ahli-Ahli Parlimen yang semakin mencabar, YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan Negara 2012 pada 7 Oktober 2011 telah pun mengumumkan bahawa Kerajaan telah bercadang untuk mengkaji cadangan kenaikan elaun bulanan serta elaun dan kemudahan lain bagi Ahli-Ahli Parlimen dengan syarat cadangan tersebut dipersetujui oleh semua Ahli Parlimen Kerajaan, pembangkang dan bebas.

Walau bagaimanapun, oleh sebab cadangan tersebut mendapat bantahan daripada YB Permatang Pauh, YB Bagan, YB Gombak dan YB Kubang Kerian, maka Kerajaan pada 10 Oktober 2011 telah memutuskan untuk menarik balik cadangan tersebut.

Dalam hubungan ini, Kerajaan bersedia menimbang untuk mengkaji semula saraan dan keistimewaan Ahli-Ahli Parlimen pada masa yang sesuai kelak dengan syarat semua Ahli Parlimen mempersetujuinya serta tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 37

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi di negara kita dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap mahasiswa universiti yang terlibat secara langsung dalam demo PTPTN dan Bersih 3.0.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi telah menerima senarai nama seramai 152 orang yang disyaki pelajar daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditangkap semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012. Senarai nama tersebut telah dipanjangkan kepada semua IPTA untuk pengesahan. Atas semangat autonomi yang diberikan kepada IPTA, maka IPTA masing-masing boleh menentukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap pelajar yang didapati melanggar peraturan kelakuan dan tatatertib.

Berkenaan demonstrasi berkhemah mendesak PTPTN dimansuhkan pula, pihak PDRM memaklumkan bahawa kebanyak mereka yang terlibat dalam demonstrasi berkhemah di Dataran Merdeka adalah terdiri daripada bekas pelajar termasuk golongan penganggur dan gelandangan. Pada April 2012, sekumpulan pelajar telah mengadakan perarakan dan bertindak mengalungkan bunga pada gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di hadapan kompleks membeli-belah Sogo. Tindakan tersebut seumpama adat agama Hindu yang memberi penghormatan kepada mereka yang telah meninggal dunia.

Disebabkan tindakan biadap dan melampaui batas, maka pihak berkuasa tatatertib Universiti Malaya telah mengambil tindakan tatatertib ke atas tiga (3) orang pelajarnya. Ketiga-tiga pelajar tersebut diambil tindakan di bawah Kaedah 3(a)(i) dan 3(a)(ii) Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999, dan pertuduhan yang dibuat adalah atas perbuatan meletakkan kalungan bunga pada gambar pemimpin negara dan yang seumpamanya yang telah memudaratkan dan merosakkan nama Universiti, kesopanan, moral dan tatatertib.

Pendengaran kes tersebut telah diadakan pada 3 Mei 2012 (Khamis) di hadapan tiga (3) orang panel Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang terdiri daripada tiga orang pensyarah kanan Universiti, dan telah dihadiri oleh ketiga-tiga pelajar yang dituduh dengan kesemuanya diwakili oleh seorang pensyarah kanan dari Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.

Keputusan bagi kes tersebut adalah ketiga-tiga pelajar telah didapati bersalah atas pertuduhan dan dijatuhi hukuman seperti berikut:-

- i. amaran;
- ii. denda sebanyak RM200.00; dan
- iii. digantung pengajian selama 1 semester.

Sehingga tarikh akhir yang dibenarkan untuk membuat rayuan (28 Mei 2012), hanya dua (2) orang daripada pelajar-pelajar tersebut telah mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Universiti dan rayuan tersebut telah didengar pada 28 Mei 2012 (Isnin) jam 6.30 petang. Keputusan rayuan adalah rayuan ditolak dan hukuman dikekalkan.

NO. SOALAN: 38

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD. NASIR BIN IBRAHIM
[KUALA NERUS]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri (Kuala Nerus) minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana proses pengeluaran sesuatu fatwa oleh Majlis Fatwa dikeluarkan dan apakah tindakan Kerajaan terhadap mana-mana pihak yang mempertikaikan sesuatu fatwa yang dikeluarkan dan menghasut umat Islam lain agar turut mempertikaikannya.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan

oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelaras di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengikut pada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah **menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja**. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

Proses pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah seperti berikut:;

i. Arahan Mesyuarat Majlis Raja-Raja

Proses pengeluaran fatwa ini bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengeluarkan hukum atau pandangan syarak tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa akan diadakan dan apabila Mesyuarat bersetuju mengeluarkan hukum atau pandangan syarak, maka hukum atau pandangan syarak berkenaan akan dirafa'kan kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Hukum atau pandangan syarak yang telah perkenan oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada

Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya akan diwartakan oleh negeri berkenaan sebagai fatwa.

ii. Fatwa Berdasarkan Isu Semasa

Proses pengeluaran fatwa ini adalah melalui permohonan dari masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Kajian Syariah atau Mesyuarat Panel Kajian Akidah mengikut kategori isu yang dibincangkan. Seterusnya kertas kerja berserta keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah / Akidah akan dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Keputusan dan pandangan yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa dan seterusnya diwartakan.

Berhubung dengan **tindakan Kerajaan terhadap mereka yang mengeluarkan pandangan yang bercanggah dengan fatwa yang telah diwartakan** oleh mana-mana Pihak Berkuasa Fatwa Negeri, dimaklumkan bahawa tindakan boleh diambil berdasarkan kepada peruntukan undang-undang negeri berkenaan di mana fatwa itu dikeluarkan.

Misalnya di Wilayah Persekutuan, ianya boleh diambil tindakan di bawah Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 Bahagian III Kesalahan Yang Berhubungan dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya di dalam Seksyen 12 (Pendapat yang bertentangan dengan fatwa) menyebutkan ; ” *Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, hukum syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”*

Walaubagaimanapun, aduan perlu dibuat kepada pihak berkuasa agama di negeri-negeri, bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang mengeluarkan pendapat yang bercanggah dengan fatwa yang telah diwartakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN**
(BANDAR KUCHING)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **28.06.2012**

Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada pengeluaran minyak dan gas dari Sarawak sejak tahun 1971. Apakah angka pecahan pendapatan tersebut untuk setiap tahun. . .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada pengeluaran minyak dan gas dari Sarawak terbahagi kepada kutipan cukai pendapatan petroleum (PITA), duti eksport dan royalti. Sehingga tahun 2011, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan daripada pengeluaran minyak dan gas dari Sarawak bagi cukai pendapatan petroleum adalah sebanyak RM24.4 bilion, bagi royalti adalah sebanyak RM14.2 bilion manakala bagi duti eksport adalah sebanyak RM5 bilion.

Soalan No : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula dasar pendidikan negara dimana pelajar-pelajar diberi opsyen memilih sistem pelajaran dalam aliran Inggeris (di sekolah-sekolah mubaligh) dan Bahasa Malaysia (di sekolah-sekolah kebangsaan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan. Walaupun pada masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum melaksanakan aliran Inggeris dalam mana-mana sistem persekolahan kebangsaan, penggunaan bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di semua sekolah.

KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping

itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar membolehkan maklumat melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan pelajar dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasa Pertama Kajian Penilaian Pendidikan telah merumuskan bahawa sistem pendidikan yang sedang berlangsung sekarang masih relevan dari segi akses, ekuiti dan kualiti pendidikan itu sendiri. Namun, hasil diagnostik dan kajian awal penilaian mendapati masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi persediaan negara menghadapi cabaran abad ke-21.

Sesungguhnya, apa yang dilaksanakan dan dirancang untuk menambah baik sistem pendidikan negara amat memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak tanpa mengira fahaman politik, latar belakang sosio ekonomi, pendidikan, agama dan bangsa. Apa yang lebih penting ialah untuk memastikan sistem ini mampu melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, tanpa membelakangkan prinsip Rukun Negara

SOALAN NO. : 41

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah peruntukan untuk projek tebatan banjir di bandar-bandar Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri sejak tahun 2008, dan peratusan penyiapan projek-projek tebatan banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan daripada tahun 2008 hingga 2012 ialah RM 253.9 juta untuk Bandar Kuching; RM 183.8 juta untuk Bandar Sibu; dan RM 12.4 juta untuk Bandar Miri. Manakala tiada peruntukan untuk Bandar Bintulu dalam tempoh masa tersebut.

Peratusan kemajuan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

Bil.	Kawasan	Projek	Kemajuan Fizikal	Catatan
i.	Kuching	RTB Bandaraya Kuching Fasa 1	100%	Telah siap pada tahun 2010
		RTB Bandaraya Kuching Fasa 2	40%	Peringkat Penyediaan Rekabentuk
ii.	Sibu	RTB Sibu Fasa 1	95%	EOT sehingga 30 Sept. 2012)
		RTB Sibu Fasa 2 – Pengorekan Batang Rejang	100%	Telah siap awal Jun 2012
		RTB Sibu Fasa 2 – Naiktaraf, pembinaan sistem saliran utama, pembinaan pintu air dan rumah pam	0%	Tarikh milik tapak pada 18 Mei 2012
iii.	Miri	Menaiktaraf sistem saliran utama bagi Bandar Miri (Kawasan CBD)	100%	Telah siap pada tahun 2008.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 42

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan peruntukan secara am di negeri Selangor Darul Ehsan pada tahun 2009, 2010, 2011, 2012 dan khususnya untuk rancangan mitigasi banjir di Selangor dan khususnya di daerah Klang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan secara am untuk rancangan tebatan banjir di negeri Selangor bagi tahun 2009 hingga 2012 ialah RM 159.9 juta, iaitu masing-masing RM 77.9 juta pada tahun 2009; RM 35.0 juta pada tahun 2010; RM 22.1 juta pada 2011; dan RM 24.9 juta pada tahun 2012.

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM 5.5 juta telah diperuntukkan kepada Daerah Klang pada tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menerima pemerhati luar negara sewaktu Pilihan Raya Umum ke-13 ini memandangkan Malaysia telahpun menghantar pasukan pemerhati ke Myanmar pada April lalu bagi memantau proses mengundi di negara itu bagi memastikan pilihan raya yang adil dan bebas.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menjemput negara luar seperti Indonesia, Thailand, Bosnia dan beberapa buah negara

SOALAN NO. 43

lagi sebagai pemerhati antarabangsa. Namun masih belum menerima sebarang jawapan daripada mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR juga sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bergabung menjadi satu pasukan pemerhati dalam negeri pada Pilihan Raya Umum ke-13. Penggabungan itu kelak memudahkan mereka sebagai satu pasukan dan menjadi pemerhati di 222 buah kawasan Parlimen seluruh negara.

Pemilihan NGO itu menepati etika dan syarat-syarat yang ditetapkan sebagai pemerhati, antaranya mereka tidak berpihak kepada parti politik, tidak mengganggu proses pilihan raya dan menghantar laporan secepat mungkin kepada SPR.

Di samping itu, pemerhati dari luar negara juga perlu menepati etika dan syarat yang ditetapkan iaitu antara lain adalah seperti tidak berpihak dengan parti politik dan tidak campur tangan dalam proses pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan dan sebab mengapa orang awam, persatuan penduduk, dan Wakil Rakyat tidak dipelawa untuk memberikan pandangan mengenai pembinaan Lebuh Raya Sungai Besi Ulu Kelang (SUKER). Apakah DPBRKL2020 masih sah dan diwartakan memandangkan terdapat bantahan daripada rakyat mengenai pembinaan SUKE.

JAWAPAN :

Cadangan Pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKER) secara penswastaan telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan Persekutuan. Pada masa kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Kajian terperinci yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan termasuklah perincian jajaran, keperluan pindaan pelan struktur negeri dan pelan struktur tempatan dan sebagainya. Dalam hubungan ini, cadangan pindaan pelan struktur negeri dan pelan struktur tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Dalam proses pindaan pelan struktur negeri dan pelan struktur tempatan ini, proses pendengaran awam perlu dilaksanakan. Dalam hubungan ini, dengan mengambil kira komen-komen termasuk bantahan awam, Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia bersama-sama dengan syarikat konsesi akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya termasuk membuat pindaan jajaran, sekiranya perlu, untuk diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa negeri. Jadual pembinaan pula hanya akan ditentukan setelah rundingan perjanjian konsesi dimuktamadkan.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]

TARIKH : 28 JUN 2012

RUJUKAN : 4912

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kapasiti dan jumlah semasa penghuni penjara seluruh negara. Adakah Kerajaan bersetuju bahawa pemulihan banduan yang dijalankan telah gagal. Nyatakan nisbah perbandingan warden dan banduan di setiap penjara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Ketereh** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sejumlah 33 buah penjara di seluruh Malaysia yang mampu menampung seramai **41,350** orang banduan. Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 21 Mei 2012 menunjukkan hanya terdapat **33,271** banduan sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh penjara. Ini bermakna penjara masih boleh menampung **8,079** atau 19.5% untuk mencapai kapasiti sebenar.

Petunjuk utama kejayaan atau kegagalan pemulihan banduan adalah kadar kes kemasukan berulang. Berasaskan petunjuk residivis di negara kita, adalah tidak munasabah untuk mengatakan bahawa pemulihan banduan yang dijalankan di negara ini telah gagal. Melalui usaha berterusan penambahbaikan pemulihan di dalam penjara dan di luar penjara bersama komuniti kadar residivis (kemasukan semula banduan ke penjara) semasa di negara ini adalah di bawah 20%. Jika dibandingkan dengan negara luar yang dikatakan lebih canggih program pemulihannya, kadar banduan residivis mereka adalah lebih tinggi sebagai contoh United Kingdom 59%, Kanada 44%, New Zealand 42% dan Australia 34.1%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah perbandingan pegawai penjara (warden) dan banduan di setiap penjara adalah pada kadar antara

1 pegawai penjara kepada 3 hingga 4.5 banduan. Kadar ini berubah berasaskan kepada kategori keselamatan penjara, kategori banduan serta keperluan dalam bentuk melaksanakan pelbagai program latihan pemulihan banduan.

Oleh itu keperluan pegawai penjara untuk sesebuah penjara sentiasa dipantau dan diambil tindakan. Jabatan Penjara Malaysia juga menjalankan kajian mengenai kesesuaian nisbah pegawai penjara dengan banduan berasaskan tahap keselamatan penjara, kategori banduan sesebuah penjara dan keperluan pemulihan.

NO. SOALAN: 46

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 JUN 2012 [KHAMIS]

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta PERDANA MENTERI menyatakan penjelasan mengenai anak syarikat Tabung Haji (*TH*) yang melabur dalam Silver Bird Group Berhad yang diklasifikasikan sebagai syarikat Practice Note 17 (PN17) iaitu syarikat bermasalah yang mesti mengemukakan pelan pemulihannya kepada Bursa Malaysia.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan *TH* dalam syarikat Silver Bird Group Berhad bermula pada 2003 iaitu sebelum ianya diklasifikasikan sebagai syarikat Practice Note 17 (PN17) pada 29 Februari 2012. Pelaburan-pelaburan yang dilakukan oleh *TH* akan melalui proses-proses ketekunan wajar yang merangkumi kajian-kajian

berkenaan operasi dan kewangan syarikat. Selanjutnya kelulusan untuk melabur perlu diperolehi daripada Jawatankuasa Penilaian Portfolio, Panel Pelaburan dan Jemaah Lembaga Pengarah sebelum diangkat untuk persetujuan YB. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 2007, seiring dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub produk makanan halal di rantau ini, **TH** telah meningkatkan pelaburan dalam syarikat-syarikat makanan tercatat seperti KFC Holdings (M) Bhd, QSR Brands Bhd, QL Resources Bhd dan Silver Bird Group. Pelaburan dalam syarikat-syarikat ini telah mencatatkan keuntungan yang besar kepada **TH** sehingga mencecah RM500 juta.

Pelaburan di dalam Silver Bird Group Berhad dibuat pada masa itu berdasarkan harga yang menarik dan asas perniagaan yang kukuh, mengambilkira kedudukannya sebagai pengeluar roti kedua terbesar di Malaysia serta rangkaian pengedaran produk yang luas yang boleh digunakan untuk mengedarkan produk-produk makanan keluaran **TH**. Pelaburan dalam Silver Bird Group Berhad juga bertujuan menjadikannya sebagai salah satu peneraju penglibatan **TH** dalam sektor makanan halal di Malaysia.

Bagaimanapun, pelaburan di dalam Silver Bird Group Berhad terjejas apabila 2 orang Ahli Lembaga Pengarah Eksekutif dan seorang pegawai kewangan disyaki melakukan penipuan dan pecah amanah sehingga menjelaskan operasi dan prestasi kewangan syarikat. **TH** telah mengusulkan dan Mesyuarat Agung Tahunan Silver Bird Group Berhad pada 30 April 2012 telah meluluskan pemecatan kedua-dua Ahli

Lembaga Pengarah yang disyaki terlibat dalam kes pecah amanah tersebut.

Silver Bird Group Berhad telah mengumumkan akan mengstrukturkan semula syarikat dan akan mengemukakan pelan penstrukturan ini kepada Bursa Malaysia. **TH** akan mengkaji pelan penstrukturan ini apabila ia dikemukakan kepada Bursa Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 47

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan projek bijih besi oleh Syarikat Vale International di Teluk Rubiah, Perak tidak akan mencemarkan kawasan persekitarannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa memastikan projek bijih besi oleh syarikat Vale Manufacturing (M) Sdn Bhd (Vale) tidak mencemarkan kawasan persekitarannya. JAS Negeri Perak telah mengadakan program pengawasan dan penguatkuasaan ke tapak cadangan projek tersebut secara berkala setiap bulan bagi memastikan kerja-kerja tanah yang dijalankan mematuhi syarat kelulusan EIA yang telah dikeluarkan pada 13 Julai 2010.

Pihak pemaju projek juga dikehendaki mengemukakan laporan pengawasan alam sekitar kepada JAS mengikut jadual yang ditetapkan seperti di dalam Syarat Kelulusan EIA dan dokumen EMP (*Environmental Management Plan*). Audit Alam Sekitar oleh pihak ketiga juga telah dijalankan pada 4 dan 5 April 2012 dan mendapati syarat-syarat EIA telah dipatuhi.

Di samping itu, Kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Perak dan syarikat Vale juga telah mengambil pendekatan proaktif dengan menganjurkan sesi-sesi penerangan kepada komuniti mengenai pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa. Program ini adalah bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada rakyat berhubung kewujudan projek bijih besi di kawasan tersebut serta manfaat yang bakal diperolehi oleh masyarakat setempat. Selain itu, syarikat Vale

juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam merancang program-program *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk kebajikan rakyat termasuk program-program pendidikan serta pemulihan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program-program untuk membantu kanak-kanak daripada keluarga pincang dan miskin supaya mereka juga mempunyai peluang yang sama dalam pendidikan dan penjagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab membantu keluarga yang berpendapatan rendah serta mereka yang memerlukan, termasuk anak-anak mereka agar golongan tersebut mendapat pembelaan sewajarnya serta menikmati hasil kemakmuran negara.

Antara program untuk membantu kanak-kanak daripada keluarga pincang dan miskin supaya mereka mempunyai peluang yang sama dalam pendidikan dan penjagaan ialah:

a) Skim Bantuan kanak-kanak

JKM memberikan bantuan kewangan kepada kanak-kanak miskin dan berkeperluan supaya dapat terus tinggal bersama keluarga bagi menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan yang sewajarnya.

Kadar bantuan adalah sebanyak RM100 sebulan seorang dan maksimum RM450 sebulan sekeluarga yang melebihi 4 orang kanak-

kanak. Pada tahun 2011, JKM telah menyalurkan sebanyak RM315.8 juta kepada 98,848 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin di seluruh negara;

b) Penempatan di institusi JKM

Kanak-kanak dari keluarga yang mana ibu bapa atau penjaga yang tidak berkemampuan untuk memberi penjagaan dan perlindungan yang sewajarnya kepada anak-anak mereka akan ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak (RKK). Langkah ini membolehkan kanak-kanak tersebut menjalani kehidupan harian seperti kanak-kanak lain termasuk diberi peluang pendidikan dan mengikuti program yang telah diatur di RKK. Pada masa ini, terdapat 11 buah RKK di seluruh negara;

c) Penempatan di Rumah Tunas Harapan

Permohonan kemasukan ke Rumah Tunas Harapan boleh dilakukan melalui semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah bagi keluarga tidak berupaya memberi penjagaan dan perlindungan kepada anak-anak. Prorgam Sistem Berkeluarga yang diamalkan membolehkan mereka menjalani kehidupan seperti di dalam sebuah keluarga. Sehingga kini, terdapat 9 Rumah Tunas Harapan di seluruh Malaysia

yang melibatkan 153 orang kanak-kanak dengan 23 keluarga pelihara;

d) Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)

JKM telah menubuhkan sebanyak 142 buah PAKK di seluruh negara. Objektif penubuhan PAKK adalah untuk menganjurkan program dan perkhidmatan sokongan bagi kanak-kanak. Antaranya ialah kelas bimbingan, keagamaan dan komputer serta pusat sumber yang menyediakan bahan bacaan dan rujukan untuk kanak-kanak; dan

e) TASKA 1Malaysia (dahulu dikenali sebagai TASKA Komuniti)

JKM telah menubuhkan TASKA 1Malaysia yang bertujuan untuk membantu ibu bapa dan keluarga berpendapatan rendah memperoleh perkhidmatan penjagaan dan pengasuhan yang berkualiti untuk anak-anak mereka. Perkhidmatan ini telah diperkenalkan seawal tahun 2006 dan sehingga kini terdapat 42 buah TASKA 1Malaysia di seluruh negara. Subsidi berbentuk yuran sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak diberikan kepada ibu bapa / keluarga yang berpendapatan bawah RM2,000 di bandar dan RM1,200 di luar bandar.

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH JAWAPAN : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kadar “non revenue water” dalam sistem pembekalan air bersih mengikut negeri, kos kerugian kehilangan air terawat dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil atau *Non Revenue Water* dengan izin, atau ringkasnya lebih dikenali sebagai NRW adalah perbezaan jumlah air yang dibekalkan ke dalam sistem bekalan air berbanding jumlah kuantiti air yang direkodkan di meter pengguna atau pada bil pengguna. NRW diklasifikasikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah kehilangan fizikal yang disebabkan kebocoran paip, limpahan air di tangki-tangki air dan kategori kedua ialah kehilangan komersial yang berpunca daripada kecurian air, ketidaktepatan pada bacaan meter, kegunaan bagi penyelenggaraan sistem bekalan air dan juga kegunaan Bomba. Kadar NRW berbeza-beza dari satu negeri ke satu negeri yang lain dengan julat di antara 18.4 peratus dan 59.8 peratus. Kadar NRW ini banyak dipengaruhi oleh usia aset bekalan air terutamanya paip air dan meter, faktor geografi sesebuah negeri dan juga kaedah pengurusan NRW oleh setiap operator bekalan air.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2011, purata nasional kadar NRW di Malaysia adalah 36.4 peratus dan kadar NRW mengikut negeri adalah seperti berikut; tujuh negeri yang menunjukkan kadar NRW melebihi purata nasional ialah Perlis (59.8 peratus), Pahang (56.2 peratus), Kelantan (55.6 peratus), Sabah (50.9 peratus), Kedah (47.8 peratus), Negeri Sembilan (44.6 peratus) dan Terengganu (37 peratus). Negeri-negeri yang mencatatkan kadar NRW di bawah peratus nasional ialah Pulau Pinang (18.4 peratus), Wilayah Persekutuan Labuan (21.9 peratus), Melaka (25.1 peratus), Sarawak (27 peratus), Johor (29.2 peratus), Perak (30.4 peratus) dan Selangor (32.3 peratus).

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan memang menyedari bahawa kadar NRW ini masih lagi tinggi dan perlu diturunkan ke satu paras yang lebih ekonomik. Untuk itu, peruntukan untuk menangani masalah NRW disediakan setiap kali Rancangan Pembangunan Lima Tahun bermula. Oleh sebab usaha menurunkan kadar NRW ini memerlukan perbelanjaan yang besar, pendekatan yang diambil pada masa ini ialah untuk melaksanakan secara berperingkat-peringkat. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) umpamanya, sebanyak

RM685 juta telah diperuntukan untuk menjalankan program pengawalan NRW di seluruh negara.

Pendekatan pengawalan NRW secara holistik yang dilaksanakan sendiri dengan penuh kesungguhan oleh setiap operator air adalah langkah terbaik pada masa ini di mana keberkesanannya telah dibuktikan di peringkat antarabangsa sekiranya dijalankan dengan kaedah yang betul. Bagi memastikan program ini diberikan keutamaan, Kementerian saya melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan supaya setiap operator air mempunyai program penurunan kadar NRW yang sistematik. Program tersebut perlu dilaksanakan mengikut jadual dan *Key Performance Indicator (KPI)* yang telah ditetapkan agar pengurangan kadar NRW di setiap negeri dapat mencapai sasarannya. Selain daripada itu, SPAN juga telah memberikan fokus kepada program menurunkan kadar NRW di kalangan operator air yang melibatkan kehilangan komersial. SPAN bersama dengan operator-operator air telah meningkatkan aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi membendung kes kecurian air melalui penyambungan haram yang turut menyambung kepada peningkatan kadar NRW di sesebuah negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Pada Kerajaan, kadar NRW ini memang dianggap satu isu penting yang perlu ditangani. Isu ini merupakan salah satu faktor yang membawa kepada usaha-usaha mentransformasikan industri perkhidmatan air yang sekarang ini sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Program transformasi ini dilaksanakan melalui penstrukturkan semula industri bekalan air negeri. Mengikut pemerhatian SPAN, Negeri Sembilan umpamanya, setelah distukturkan semula telah berjaya mencatatkan penurunan kadar NRW daripada 53.8 peratus kepada 43.41 peratus setelah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) ditubuhkan. Oleh itu, saya telah meminta SPAN supaya memastikan program-program pengurangan NRW dan KPI dinyatakan oleh setiap operator air melalui pelan perniagaan masing-masing dilaksanakan sebaiknya. Dengan keutamaan ini, saya menyeru setiap operator air di negara ini memberikan komitmen yang berterusan kepada program-program pengurangan kadar NRW yang telah ditetapkan. Dengan adanya pemantauan oleh SPAN, saya percaya setiap operator air akan sedaya upaya berusaha untuk mencapai KPI NRW masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]
TARIKH : 28.06.2012 (KHAMIS)

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah pekedai runcit yang menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di Pahang mengikut kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2011, **sebanyak 519 buah kedai runcit** termasuk kedai runcit koperasi telah menyertai projek TUKAR melepas sasaran sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan di bawah program ini di seluruh negara.

Manakala pada tahun 2012, Kerajaan masih mensasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan. **Sehingga 4 Jun 2012, sebanyak 205 buah kedai runcit** termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan di bawah projek TUKAR dan 295 buah kedai runcit lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara.

Bagi Negeri Pahang sebanyak **95 buah kedai runcit** termasuk kedai runcit koperasi telah menyertai projek TUKAR. Pecahan mengikut kawasan parlimen adalah seperti berikut:

PARLIMEN	BILANGAN KEDAI TUKAR
Bentong	6
Bera	11
Cameron Highlands	1
Indera Mahkota	4
Jerantut	14
Kuala Krau	5
Kuantan	1
Lipis	5
Maran	17
Paya Besar	11
Pekan	8
Raub	3
Rompin	6
Temerloh	3
JUMLAH	95

NO. SOALAN:51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) jumlah pelaburan yang dianggarkan oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang boleh disalurkan ke dalam ekonomi negara dalam tahun akan datang serta apakah impaknya kepada rakyat biasa; dan
- (b) langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh 1MDB untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada belia-belia khasnya graduan-graduan tempatan.

JAWAPAN :

1MDB diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif ekonomi strategik yang akan menghasilkan pembangunan jangka panjang yang mampan. Strategi 1MDB bagi mencapai mandat ini adalah melalui pelaburan di dalam:

- 1) Projek-projek yang menekankan kemajuan modal insan
- 2) Projek-projek pembangunan strategik jangka masa panjang

Jumlah pelaburan perlu dilihat berdasarkan perlaksanaan projek-projek tersebut. Bagi projek jangka panjang, misalnya, 1MDB mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi.

KLIFD, projek RM26 billion yang mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini, mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Kesan positif yang dibawa oleh KLIFD bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di hub kewangan antarabangsa itu tetapi ia juga akan membuka peluang-peluang ekonomi baru dan mempertingkatkan daya maju perniagaan-perniagaan di kawasan sekitarnya.

Selain daripada premis pejabat, ruang premis perniagaan dan rekreasi juga disediakan untuk memenuhi keperluan harian bagi para profesional yang bekerja di KLIFD.

Dari peringkat pembinaan lagi, KLIFD akan membuka banyak peluang perniagaan dan pekerjaan untuk rakyat Malaysia, di samping mengembangkan kemahiran-kemahiran dalam cabang-cabang baru. Apabila ia beroperasi, pusat kewangan antarabangsa berimpak tinggi ini bermatlamat menarik 250 syarikat global terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan antarabangsa.

Sumber manusia/tenaga kerja yang menjadi elemen asas dalam memastikan kejayaan KLIFD akan melihat lebih 70,000 peluang pekerjaan, di mana 50,000 peluang adalah untuk tenaga mahir manakala 20,000 bagi perkhidmatan sokongan. Majoriti besar dari bilangan ini adalah rakyat tempatan.

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

Dari aspek sosial, Yayasan 1MDB pula melaksanakan inisiatif-inisiatif yang menekankan kemajuan modal insan. Selari dengan nilai gagasan 1Malaysia, Yayasan 1MDB menjadikan pendidikan, pembinaan kapasiti, pembangunan

kemahiran dan lain-lain usaha sebagai fokus bagi memperkayakan kehidupan rakyat.

Dana Belia 1Malaysia, contohnya, merupakan sebuah dana berjumlah RM20 juta yang diperuntukkan khas untuk belia-belia Malaysia. Ia menyediakan platform bagi menggalakkan pembangunan belia, dan menjadi katalis bagi belia melaksanakan projek berteraskan keusahawanan sosial ataupun berpermasyalikatan.

NO SOALAN : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

TARIKH : **28 JUN 2012**

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah kehilangan pendapatan kepada FELDA selepas 360,000 hektar tanah ladang milik FELDA dipajakkan kepada FGVH. Apakah strategi FELDA untuk meningkatkan pendapatan dan menggantikan hasil keuntungan yang hilang akibat daripada pemajakan tanah milik FELDA kepada FGVH.

JAWAPAN : **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas penyenaraian FELDA Global Ventures (FGV) ini, FELDA memperolehi pendapatan daripada sewaan jangka panjang tanah sebanyak lebih kurang RM250 juta setahun

dan 15 peratus (%) daripada keuntungan ladang, FELDA juga bakal menerima pendapatan daripada dividen tahunan ke atas pegangan sahamnya di dalam FGV sebanyak 19%. FELDA juga memperolehi pulangan daripada aktiviti pelaburan bersesuaian yang boleh dilaksanakan ke atas dana yang diperoleh daripada Penawaran Awam Umum (IPO) FGV sebanyak lebih kurang RM5.5 bilion. Di samping itu, FELDA juga memiliki pelbagai pelaburan sedia ada yang dapat menjana pulangan tambahan.

Justeru itu, sumber-sumber pendapatan yang disebutkan adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan tahunan FELDA.



~~NO. SOALAN : 53~~

~~NO. AUM : 46~~

~~NO. AUP :~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 28 JUN 2012

RUJUKAN : 4913

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kerajaan telah membuat taklimat undang-undang berkaitan Akta Perhimpunan Aman 2011 kepada seluruh anggota PDRM memandangkan ianya baru diwarta untuk dikuatkuasakan pada 23 April 2012. Jika ada taklimat undang-undang itu dibuat, boleh nyatakan berapa kali taklimat itu dibuat, berapakah jumlah peserta taklimat dan siapakah yang memberikan taklimat itu kepada anggota PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan sesi penerangan Undang-Undang berkaitan Akta Perhimpunan Aman 2012. Secara keseluruhannya sebanyak enam belas (16) sesi penerangan telah diadakan oleh Ketua Penolong Pengarah (D5) diperingkat Bukit Aman dan Kontinjen-Kontinjen Polis. Susulan arahan tersebut sesi penerangan telah disampaikan kepada semua Pengarah di Ibupejabat Polis Bukit Aman, Ketua Polis, Ketua Polis Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan diperingkat kontinjen.

Manakala diperingkat negeri-negeri, Ketua Polis Negeri telah diarahkan untuk mengaturkan taklimat yang melibatkan semua pegawai dan anggota diperingkat Kontinjen dan Daerah. Selain daripada itu, semua kursus yang diadakan diperingkat Maktab Polis juga turut diarahkan untuk memasukkan slot penerangan khas mengenai Akta Perhimpunan Aman 2012 sebagai salah satu silibus kursus.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengapa kenaikan gaji sebanyak 13% (Gred 54 ke bawah) kepada kakitangan Kerajaan tidak dapat dinikmati oleh kakitangan skim komersil yang bekerja di BERNAMA dan BERNAMA TV, selaku sebuah badan berkanun Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

BERNAMA telah menyelaraskan faedah kakitangan Skim Komersil bersamaan dengan Skim Saran Malaysia (SSM) bermula pada 1 Julai 2010. Sehubungan dengan itu, pada 1 Januari 2012, semua kakitangan BERNAMA sama ada daripada Skim SSM, Skim Komersil atau kakitangan lantikan kontrak telah mendapat kenaikan gaji 13% seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 55

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar yang mendaftar di Institut Pengajian Tinggi awam (IPTA) mengikut kaum. Beri pecahan dari tahun 2004 hingga tahun 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum untuk menentukan nilai merit seseorang calon. Dasar ini, bertujuan bagi meningkatkan peluang yang adil dan daya saing yang sihat kepada para pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah diri.

Kejayaan calon untuk memperoleh tawaran tempat adalah bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di IPTA yang dipohon. Jika markah merit tidak begitu tinggi dan pelajar memohon lapan

(8) pilihan dalam program pengajian kompetitif, kemungkinan besar mereka tidak terpilih untuk tawaran program pengajian yang dipohon itu. Begitu juga jika mereka memohon hanya di IPTA yang popular, mereka mungkin akan menghadapi persaingan yang tinggi dan akhirnya tidak mendapat apa-apa tawaran daripada IPTA berkenaan. Namun begitu, prosedur permohonan membenarkan calon menyatakan persetujuan untuk memilih sama ada bersetuju atau tidak untuk menerima tawaran selain daripada lapan (8) pilihan program pengajian yang dimohon. Jika calon ada menyatakan persetujuan untuk menerima tawaran selain daripada lapan (8) pilihan semasa mengemukakan permohonan, maka calon akan dipertimbangkan ke program pengajian di IPTA yang masih ada kekosongan selaras dengan bidang pengajian yang dipohon tanpa mengira IPTA pilihan. Bagaimanapun, jika calon memilih tidak bersetuju, pihak KPT tidak akan mempertimbangkan sekiranya masih ada kekosongan pada program pengajian yang lain.

Semenjak Dasar Meritokrasi dilaksanakan, peratusan komposisi kaum dalam pengambilan pelajar masih stabil dan tiada kenaikan atau penurunan mendadak bagi sesuatu kaum. Umpamanya pada tahun 2011, seramai 394,540 pelajar Melayu mendaftar di IPTA, seramai 46,245 pelajar Cina, seramai 12,910 pelajar India dan seramai 28,706 pelajar lain-lain kaum. Manakala pada tahun sebelumnya (tahun 2010), seramai 333,539 pelajar Melayu mendaftar di IPTA, seramai 44,622 pelajar Cina, seramai 11,796 pelajar India, dan seramai 48,609 pelajar lain-lain kaum.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa peratuskah pelajar di Sekolah Menengah yang masih belum boleh membaca dan apakah usaha yang telah diambil bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 2.28 juta bilangan murid di peringkat sekolah menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengenalpasti terdapat lebih kurang 3 peratus murid yang belum menguasai dengan baik kemahiran 2M (membaca dan menulis). Namun, peratus tersebut bukan menunjukkan murid berkenaan langsung tidak boleh membaca. KPM memandang serius sekiranya masih terdapat murid-murid di sekolah menengah yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis (2M). Sekiranya masih terdapat murid yang didapati gagal menguasai kemahiran tersebut, KPM berpandangan kemungkinan besar murid tersebut merupakan murid berkeperluan khas atau kurang upaya seperti bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran di peringkat rendah lagi.

KPM serius dalam usaha membasmi masalah tidak menguasai kemahiran 2M di peringkat sekolah rendah dengan memperkenalkan Program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) bermula pada tahun 2010 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) - pendidikan. Dengan pelaksanaan program LINUS ini, KPM berkeyakinan bahawa semua murid yang melalui sistem pendidikan di Malaysia ini boleh menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi atau dalam lain perkataan boleh membaca, menulis dan mengira selepas tiga tahun mendapat pendidikan di sekolah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya masih terdapat murid yang tidak menguasai kemahiran tersebut di peringkat sekolah menengah, mereka akan diletakkan ke dalam Program Bimbingan Sekolah Menengah 2M atau PROBIM. Di dalam program PROBIM, penumpuan diberikan kepada murid-murid di semua peringkat persekolahan sekolah menengah dalam menguasai 3M (Membaca, Menulis, Mengira bagi semua peringkat di sekolah menengah yang dilaksanakan mengikut keperluan murid). Antara pengisian program yang dilaksanakan termasuklah:

- Memperkaya kosa kata murid-muird
- Penguasaan pembinaan ayat
- Penguasaan asas matematik (campur, tolak, darab dan bahagi)
- Memperkuuhkan asas menulis

NO. SOALAN : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik bilangan kes-kes muflis yang melibatkan kad kredit serta pecahan mengikut umur, jantina, bangsa dan bidang perniagaan yang diceburi serta apakah terdapat sebarang pelan perancangan bagi membendung isu ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat Mei 2012, bilangan kes kebankrapan yang ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) berjumlah **243,018**. Bagaimanapun, pengumpulan statistik kebankrapan mengikut kategori hanya bermula daripada tahun 2005.

Bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan Mei 2012 terdapat sebanyak **118,243** kes kebankrapan yang ditadbir oleh Mdl. Daripada jumlah tersebut seramai **5,826 (4.9%)** individu bankrap disebabkan oleh kegagalan menjelaskan hutang kad kredit membabitkan mereka yang berumur:

(a)	bawah 25 tahun	:	3	(0.1%)
(b)	26 - 34 tahun	:	911	(15.6%)
(c)	35 - 44 tahun	:	1,945	(33.4%)
(d)	45 - 54 tahun	:	1,871	(32.1%)
(e)	55 tahun ke atas	:	1,005	(17.3%)
(f)	Tiada maklumat	:	91	(1.6%)

Sejumlah 3,140 (53.9%) terdiri daripada kaum/bangsa Cina, diikuti dengan 1,964 (33.7%) Melayu, 595 (10.2%) India dan 128 (2.2%) daripada lain-lain bangsa.

Mdl tidak mempunyai maklumat mengenai bidang perniagaan yang diceburi oleh pemilik kad kredit bankrap secara spesifik. Bagaimanapun rekod mengenai bidang/kategori pekerjaan mereka dikenal pasti seperti berikut:

(a)	sektor awam	:	277	(4.8%)
(b)	sektor swasta	:	1,637	(28.1%)
(c)	profesional	:	321	(5.5%)
(d)	berniaga	:	870	(14.9%)
(e)	bekerja sendiri	:	474	(8.1%)
(f)	sektor hiburan	:	30	(0.5%)
(g)	ahli sukan	:	2	(0.0%)
(h)	pelajar	:	23	(0.4%)
(i)	tidak bekerja	:	136	(2.3%)
(j)	pesara kerajaan	:	51	(0.9%)
(k)	tiada maklumat	:	2,005	(34.4%)

Bagimembendung kes kebankrapan yang melibatkan penggunaan kad kredit daripada terus meningkat, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah mengadakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (a) Mengadakan 37 *Outreach & Awareness Program* yangtelah dilaksanakan di seluruh Malaysia bertujuan memberikan perkhidmatan, nasihat serta pendidikan mengenai pengurusan kewangan berhemah dan juga implikasi kebankrapan;
- (b) memberi kenyataan Akhbar mengenai hal ehwal kebankrapan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran bagi meningkatkan pengetahuan orang awam

secara amnya tentang kebankrapan. Setakat Mei 2012 sebanyak 5 kenyataan akhbar telah diadakan meliputi Sinar Harian,Mstar Online,Utusan Malaysia,Berita Harian dan Harian Metro;

- (c) mengadakan 13 slot rancangan melalui siaran televisyen dan juga stesen radio tempatan. Satu jalinan kerjasama proaktif Mdl dengan pihak radio Universiti Teknologi Mara (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (Putra FM) telah diusahakan di mana kedua-dua stesyen radio tersebut memberi slot khas kepada Mdl masing-masingnya pada hari Rabu dan hari Khamis setiap bulan sebagai inisiatif untuk memberikan kesedaran serta panduan berkaitan isu-isu kebankrapan;
- (d) mewujudkan Program Perkongsian Pintar bersama Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK) bagi mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah; dan
- (e) menjalin kerjasama dengan Filem Negara Malaysia untuk menghasilkan drama pendek tentang kebankrapan untuk diiklankan di televisyen bagi tujuan meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai tentang kebankrapan.

Sekian,terima kasih.

~~NO. SOALAN : 58~~

~~NO. AUM : 55~~

~~NO. AUP :~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]**

TARIKH : 28 JUN 2012

RUJUKAN : 4914

SOALAN:

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah rakyat Malaysia yang berketurunan India yang masih belum menerima sijil beranak, kad pengenalan dan sijil kewarganegaraan sehingga kini; dan
- (b) daripada jumlah tersebut berapa ramai daripada mereka telah menerima dokumen-dokumen melalui kempen 'MyDaftar' & 'My Document'.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Selangor yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian tidak menyimpan rekod jumlah rakyat Malaysia yang masih belum menerima sijil lahir atau sijil kewarganegaraan. Ini disebabkan pendaftaran sijil lahir hanya dibuat oleh pemohon apabila berlakunya sesuatu kelahiran, manakala sijil kewarganegaraan hanya akan dikeluarkan kepada mereka yang telah memohon dan diluluskan taraf kewarganegaraan Malaysia serta mematuhi prosedur yang ditetapkan di dalam undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Tuan Yang Dipertua,

Merujuk kepada soalan (b), Kementerian telah menerima sebanyak **9,529 permohonan lengkap** semasa Program MyDaftar yang diadakan pada 19 hingga 26 Februari 2011. Daripada jumlah tersebut, dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan adalah Sijil Lahir sebanyak 1,459, Kad Pengenalan sebanyak 618 dan Sijil Kewarganegaraan sebanyak 4,155 manakala selebihnya adalah permohonan anak angkat dan pendaftaran perkahwinan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : KHAMIS, 28 JUN 2012

RUJUKAN : 25 [PR-1252-L50537]

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah kerugian sebenar oleh peniaga-peniaga di sekitar Kuala Lumpur di hari perhimpunan BERSIH pada 28 April 2012 dan nyatakan satu persatu nama dan alamat lengkap premis-premis perniagaan serta jenis perniagaan yang diusaha yang mengalami kerugian pada hari tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menjalankan kajian terhadap jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh peniaga-peniaga sekitar Kuala Lumpur akibat perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012.

Namun begitu, pihak DBKL sendiri telah mengalami kerugian sebanyak **RM351,206.45** akibat daripada kerosakan landskap dan pokok, perabot-perabot jalan, *barricade* dan lain-lain harta benda awam.

NO. SOALAN : 60

NO. AUM : 57

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 28 JUN 2012

RUJUKAN : 4916

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah antara anggota-anggota polis yang tidak memakai badge nombor/nama semasa operasi pada perhimpunan aman BERSIH 3.0 pada 28 April 2012 dan adakah ini tidak mematuhi undang-undang dan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGPSO).

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) khusus bagi menangani sebarang perhimpunan termasuk perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012. SOP ini adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada dan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO).

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memandang serius sebarang pelanggaran SOP yang telah ditetapkan dan perkara ini akan disiasat secara teliti dan telus oleh Panel Penasihat Bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Sekiranya terdapat mana-mana anggota Polis yang didapati melanggar SOP tersebut, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka berdasarkan undang-undang yang sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN – DAP]**

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN NO. 61

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) didapati badan-badan sukan di negara kita kebanyakannya mempunyai masalah politik dalaman serta pengurusan yang serius. Ini akan menjaskan prestasi dan semangat para atlet sukan tersebut. Apakah cadangan Kementerian untuk menangani masalah ini; dan
- (b) apakah sistem pemantauan yang digunakan oleh pihak Kementerian bagi menjamin agar badan-badan sukan ini tidak terlibat dalam politik dalaman pengurusan dan tidak menyalahgunakan dana atau pun peruntukan yang diperoleh dari pihak Kementerian.

JAWAPAN

- (a) Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa secara langsung dalam hal ehwal pentadbiran badan-badan sukan yang bertelagah/bermasalah kerana ia ditadbir urus oleh jawatankuasa yang dipilih semasa mesyuarat agung persatuan masing-masing. Walau bagaimanapun, KBS boleh bertindak untuk memberi khidmat nasihat serta sebagai orang tengah apabila diminta oleh pihak persatuan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- (b) Bagi memastikan peruntukan kewangan yang disalurkan digunakan dengan sebaiknya, pihak Kementerian telah menjalankan pemantauan yang berterusan melalui Jawatankuasa Kerja (JKK) dan Jawatankuasa Program (JKP) yang diwujudkan bagi setiap program yang dirancang bersama pihak persatuan sukan kebangsaan serta pegawai-pegawai MSN yang bertindak sebagai Penyelaras Sukan. Selain itu, pihak Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memastikan badan-badan sukan ditadbir urus dengan baik dan berintegriti.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan guru sekolah menengah dan rendah seluruh Padang Terap serta bilangan kekosongan mengikut opsyen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisian jawatan guru seperti 30 April 2012 bagi Daerah Padang Terap adalah seperti berikut:

i. Sekolah Rendah

Jumlah keseluruhan perjawatan guru adalah 710 orang iaitu 203 guru siswazah, 503 guru bukan siswazah dan 4 orang guru KDC. Terdapat lebihan sebanyak 37 orang guru di peringkat sekolah rendah. Bagi mengisi kekurangan guru mengikut opsyen dalam beberapa subjek seperti j-QAF, Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani, guru sedia ada yang berkelayakan mengajar subjek berkenaan.

ii. Sekolah Menengah

Jumlah perjawatan guru adalah 514 orang iaitu 491 guru siswazah dan 33 guru bukan siswazah. Terdapat lebihan sebanyak 10 orang guru di peringkat sekolah menengah. Bagi mengisi kekurangan guru mengikut

opsyen dalam beberapa subjek seperti Pengajian Am, bahasa Inggeris (MUET) serta Sivik dan Kewarganegaraan, guru sedia ada yang berkelayakan mengajar subjek berkenaan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dan meneliti dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru khususnya mengikut opsyen mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. Terdapat pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Diploma Pendidikan dan Kursus Dalam Cuti dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan di Institusi Pendidikan Guru bagi membekalkan guru terlatih.

Rjm 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA

MENTERI menyatakan :

- (a) Adakah Kerajaan akan terus menubuhkan satu Suruhanjaya Khas untuk mengkaji semula perkhidmatan awam seperti yang diumumkan baru-baru ini, jika benar apakah matlamat akhir penubuhan suruhanjaya ini; dan

- (b) Berapakah jumlah pegawai Kerajaan Gred JUSA ke atas yang diberi sambungan perkhidmatan selepas persaraan wajib mereka.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

(a) Tuan Yang Di Pertua,

Pada 2 Jun 2012, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam melalui penyampaian perkhidmatan berkesan kepada rakyat. Pihak Suruhanjaya telah diberikan tempoh enam (6) bulan untuk mengemukakan cadangan mengenai Perkhidmatan Awam yang diperlukan negara di masa hadapan. Suruhanjaya tersebut diurus setia oleh Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Korporat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan keanggotaannya adalah seperti berikut:

Pengerusi

YBhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi
(bekas Ketua Hakim Negara)

Ahli-ahli

1. YBhg. Tan Sri Ismail Adam
(bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam)

2. YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom
(bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia)

3. YBhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
(bekas Ketua Audit Negara)
4. YBhg. Tan Sri Hussin bin Ismail
(bekas Timbalan Ketua Polis Negara)
5. YBhg. Mej. Jen. Dato' Paduka Che Hasni bin Che Ahmad
(Bersara)
(bekas Panglima Latihan Tentera Darat)
6. YBhg. Dato' Omar bin Osman
(Presiden CUEPACS)

Tujuan asas Suruhanjaya tersebut adalah untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam melalui penyampaian perkhidmatan berkesan kepada rakyat. Terma Rujukan (TOR) Suruhanjaya ini adalah:

1. Untuk merasionalisasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan;
2. Untuk memastikan transformasi kepimpinan perkhidmatan awam yang berupaya menyeimbangkan kepentingan politik dan pentadbiran;
3. Untuk memperkasakan modal insan perkhidmatan awam untuk menyampaikan perkhidmatan yang responsif kepada kehendak pelanggan; dan

4. Untuk mengutamakan kebijakan penjawat awam dengan memastikan perkhidmatan awam yang lebih fleksibel dan adil.

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 31 Mei 2012, jumlah pegawai persekutuan yang berada di Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) yang disambung perkhidmatan secara kontrak adalah seramai 438 orang. Daripada jumlah tersebut, 74 orang berada dalam perkhidmatan awam persekutuan, tiga (3) orang dalam perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), satu (1) orang dalam perkhidmatan tentera dan 360 orang dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun iaitu di kalangan pensyarah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 64

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan statistik banjir di Kuala Lumpur pada tahun 2011 sehingga Jun tahun 2012 dan langkah penyelesaian yang dicadangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011 dan 2012, sebanyak 10 kejadian banjir telah berlaku di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur seperti berikut:-

- i. Kawasan Jalan Ampang, Jalan Tun Razak, Kolej Multimedia dan Kg. Baru pada 24 Februari 2011;
- ii. 2 kali kejadian banjir di kawasan Kg. Baru pada 14 April 2011 dan 2 Mei 2011;
- iii. Simpang ke Jalan Kuching dan kawasan Stesen Bas Pekeliling pada 18 September 2011;
- iv. Kawasan Jalan Chan Sow Lin pada 1 Disember 2011;
- v. Sekitar kawasan Jalan Tun Razak, Kolej Multimedia dan Kg Baru pada 13 Disember 2011;
- vi. Sekitar kawasan Jalan Raja Chulan, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Pudu pada 14 Disember 2011;
- vii. Kawasan Jalan Dang Wangi, Jalan Tun Perak, Kg. Baru, Kg. Berembang dan Jalan Travers pada 7 Mac 2012;

- viii. Kawasan Jalan Segambut, Jalan Kolam Air dan Kepong baru pada 18 April 2012; dan
- ix. Sekitar kawasan Kolej Multimedia, Salak Selatan, Kg. Puah, Kg Setia Jaya dan Jalan Rahmat pada 2 Mei 2012.

Bagi menangani masalah banjir di bandar raya Kuala Lumpur, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menyiapkan beberapa projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) seperti berikut:-

- i. RTB Kolam Takungan Banjir Sri Johor (Keltrade)
- ii. RTB Sg Kerayong Pakej B (Sri Siantan)
- iii. RTB Sg.Batu / Sg. Gombak
- iv. RTB Sg Keroh - Pembaikan Sg. Keroh Fasa 3 (Adhalia)

Pelaksanaan projek-projek di atas telah mengatasi sebahagian daripada masalah banjir kilat di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa projek tebatan banjir terus dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 seperti berikut:-

- i. Projek Menaik taraf Sungai Klang (Resurfacing The Spillway of Klang Gate Dam) yang telah siap pada bulan Januari 2012; dan
- ii. Projek Tebatan Banjir Sungai Kerayong yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2012.

Selain itu, di bawah *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-10 (tahun 2013-2014), pihak JPS akan melaksanakan RTB Sg Bunus bergantung kepada peruntukan yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN MOHSIN FADZLI BIN HJ. SAMSURI [BAGAN SERAI]
TARIKH	:	28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN	:	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah kejayaan Koridor Persisiran Pantai yang menjadikan aktiviti Perikanan Laut Dalam sebagai salah satu tumpuan dalam Rancangan pembangunan Koridor Utara (NCER):-
		(a) berapa banyak lesen yang telah diluluskan; dan
		(b) jumlah hasil tangkapan sejak dilancarkan hingga kini.
JAWAPAN OLEH	:	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Rancangan Pembangunan Koridor Utara (NCER) telah bermula sejak tahun 2007 melibatkan 4 buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak (utara Perak sahaja). Rancangan ini telah mengenal pasti 5 pemacu utama ekonomi iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan, logistik serta pendidikan dan pembangunan modal insan. Bidang pertanian akan dibangunkan melalui peningkatan keupayaan infrastruktur pertanian, meningkatkan produktiviti tanaman padi dan pendapatan pesawah, meningkatkan saiz ladang serta profesionalisme petani dan pemodenan sektor pertanian.

Bidang perikanan tangkapan laut dalam bukan merupakan tumpuan khusus dibawah NCER. Walau bagaimanapun terdapat projek akuakultur seperti ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan udang dalam kolam yang dilaksanakan

Untuk makluman YB, kini terdapat sebanyak 252 buah vesel menangkap ikan laut dalam yang beroperasi di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak berbanding pada tahun 2007 sebanyak 229 buah vesel.

Pendaratan perikanan laut dalam pada tahun 2007 bagi negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak adalah sebanyak 117,903 tan metrik dan telah berkurangan kepada 109,776 tan metrik pada tahun 2011 ataupun penurunan sebanyak 6.9 peratus sejak NCER dilancarkan.

NO. SOALAN: 66

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 28 Jun 2012 [KHAMIS]

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah benar Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa tentang Perhimpunan Bersih 3.0 baru-baru ini, jika benar minta Menteri berkenaan mengemukakan perinciannya.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Fatwa berkaitan perhimpunan Bersih 3.0 tidak pernah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Apa yang dilaporkan dalam media massa adalah nasihat daripada Ahli-Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 4-6 Mei 2012. Perkara ini telah dibincangkan dalam agenda hal-hal lain di mana semua ahli Muzakarah bersetuju supaya nasihat mengenai penglibatan

umat Islam yang bertindak sebagai perusuh jalanan yang telah membawa kerosakan dan musibah kepada negara dikeluarkan melalui satu kenyataan media. Oleh kerana tiada fatwa yang dikeluarkan, perincian mengenai fatwa seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tidak perlu dinyatakan.

Sekian, terima kasih.



PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan bajet dan program ekonomi untuk nelayan-nelayan di Pulau Br uit.

JAWAPAN OLEH : Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempunyai beberapa perancangan untuk melaksanakan program-program bagi kemudahan nelayan di kawasan Pulau Br uit seperti berikut:

- (i) membina/ membaik pulih rumah nelayan di kawasan Br uit. Sehingga kini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah menerima permohonan dari 166 nelayan dengan anggaran kos sebanyak RM1.7 juta;
- (ii) bagi menggalakkan penyertaan nelayan/keluarga nelayan dalam aktiviti pemprosesan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia menyediakan peruntukan melalui KUNITA atan KUBENA yang berminat untuk melaksanakan projek tersebut; dan
- (iii) di bawah Program Azam Tani pula, nelayan miskin di Pulau Br uit dibantu untuk melaksanakan projek ekonomi dengan anggaran kos sebanyak RM10,000/ peserta.

Di samping itu, Kementerian ini dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak telah membuat permohonan projek-projek baru seperti berikut:

- (i) menyediakan kemudahan jeti di Kampung Bruit dengan anggaran kos sebanyak RM600,000;
- (ii) menyediakan kemudahan pejabat, aktiviti Persatuan Nelayan Kawasan Bruit dengan anggaran kos sebanyak RM500,000;
- (iii) Program Peningkatan Kemudahan Perikanan Untuk Nelayan Pulau Bruit di bawah RP3 (RMKe-10) bagi tahun 2014 dan 2015. Di antara skop dan aktiviti terlibat ialah Projek Anak Angkat (PAA) Membuat Vesel Gentian Kaca, PAA Membuat Vesel Kayu, PAA Membaiki Enjin Dalam/ Sangkut, Kemudahan Navigasi, Tanda Alur dan Lampu Pemandu dan Pembinaan Mini Slipway.

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
SAID

TARIKH: 28 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Haji Isamil bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan impak positif yang diterima oleh 400,000 orang pekerja swasta yang bergaji di bawah RM700 dengan pengumuman gaji minimum sektor swasta dan apakah kesan secara langsung dan tidak langsung kepada peningkatan kos operasi di pihak majikan.

PR-1252-L50238

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan tahun 2009 yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia, terdapat kira-kira 33.8% pekerja sektor swasta di Malaysia menerima gaji kurang daripada RM700 sebulan.

2. Dengan pelaksanaan gaji minimum pada kadar RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan, adalah dianggarkan kira-kira 40% atau 3.12 juta daripada 7.8 juta pekerja sektor swasta di negara ini akan dapat ditingkatkan pendapatan mereka ke suatu tahap yang lebih baik. Dengan mengambil kira bayaran lebih masa yang akan diperolehi oleh pekerja di sektor swasta, dianggarkan pendapatan mereka boleh meningkat kepada RM1,200 hingga RM1, 500 sebulan. Ini secara langsung dapat meningkatkan kualiti kehidupan pekerja, keluarga mereka dan masyarakat secara keseluruhannya.
3. Berhubung dengan soalan berkaitan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada peningkatan kos operasi ke atas majikan, suka saya memaklumkan bahawa berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Perindangan Gaji Negara, jika gaji minimum ditetapkan pada kadar RM900 sebulan akan menyebabkan peningkatan langsung sebanyak 9.5% dalam pembayaran gaji atau pun peningkatan sebanyak satu hingga lima peratus (1% - 5%) dalam kos pengeluaran keseluruhan.

NO. SOALAN : 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH : 28 JUN 2012

RUJUKAN : 4918

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian mengenai laporan pihak tertentu melalui kemudahan media-media yang menyiaran artikel dan gambar-gambar yang melampau untuk menyalahkan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sehingga ia mencetuskan rasa benci masyarakat terhadap pasukan keselamatan negara ini dan sejauh manakah pihak Kerajaan membendung perkara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, memang terdapat artikel dan gambar-gambar yang melampau untuk menyalahkan pihak Polis semasa mengawal keselamatan di perhimpunan Dataran Merdeka pada 28 April 2012 yang lalu. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan panel penasihat bebas bagi mengesahkan semua dakwaan-dakwaan tersebut termasuklah tuduhan terhadap anggota keselamatan. Saya menyeru agar semua pihak termasuklah mangsa-mangsa kejadian supaya tampil kehadapan untuk memberi kerjasama kepada panel ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 70

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah bidang kemahiran insaniah atau *soft skills* diwajibkan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan nyatakan bidang kemahiran insaniah berkenaan serta sejauh manakah kemahiran insaniah ini membantu graduan untuk mendapatkan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemahiran Insaniah (KI) atau *soft-skills* merupakan kemahiran generik yang diajar merentasi pelbagai aspek pembelajaran. Kemahiran ini merangkumi aspek individu dan kerja berkumpulan yang perlu dikuasai oleh graduan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyedari bahawa usaha negara untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama dan berkualiti tinggi tidak hanya terbatas kepada teori-teori yang dipelajari semasa kuliah, tetapi adalah melalui pengalaman pelajar berkenaan semasa berada di menara gading. Atas kesedaran itu, KPT telah membangunkan modul KI pada tahun 2007 yang bertujuan untuk

membantu IPT dalam membangunkan program-program akademik, ko-kurikulum dan aktiviti sokongan berdasarkan tujuh (7) elemen utama KI yang perlu diterapkan kepada pelajar di IPT, iaitu:

- i. kemahiran berkomunikasi;
- ii. pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah;
- iii. kemahiran kerja berpasukan;
- iv. pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat;
- v. kemahiran keusahawanan;
- vi. moral dan etika profesional; dan
- vii. kemahiran kepimpinan.

Penerapan elemen KI juga dibuat dalam proses pemantapan kurikulum program-program akademik di IPT, di mana Hasil Pembelajaran (LO) program akademik yang ditawarkan perlulah merentasi ketujuh-tujuh elemen KI berkenaan, seperti mana yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA). Pada masa yang sama, IPTA telah diwajibkan untuk memasukkan elemen latihan industri/sangkutan '*high-end industri*'/penempatan komuniti sekurang-kurangnya selama 3 bulan atau 6 kredit dilaksanakan dalam kurikulum program akademik yang dibangunkan. Elemen ini boleh menjadi platform kepada pelajar mendapat pengalaman bekerja secara "*real time*" sebelum memasuki alam pekerjaan dan dapat membantu mereka dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam bilik kuliah ke dalam alam pekerjaan.

Penerapan elemen KI juga ditekankan melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum pelajar semasa mereka berada di IPT. Sistem ko-kurikulum

berkredit, yang diperkenalkan oleh KPT pada tahun 2009, turut memberi penekanan kepada elemen-elemen KI, di mana pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh semasa kuliah dalam suasana kehidupan seharian mereka. Sehingga tahun 2011, sebanyak lapan (8) teras aktiviti ko-kurikulum yang turut menyumbang kepada perkembangan pelajar semasa di universiti telah dikenal pasti, iaitu:

- i. Teras Sukan;
- ii. Teras Kebudayaan;
- iii. Teras Daya Usaha dan Inovasi;
- iv. Teras Pengucapan Awam;
- v. Teras Kesukarelawan;
- vi. Teras Khidmat Komuniti;
- vii. Teras Keusahawanan; dan
- viii. Teras Kepimpinan

Sebanyak 32 modul kursus ko-kurikulum berkredit telah diperkenalkan, di mana setiap modul berkenaan mengambil kira elemen kemahiran insaniah yang diperlukan oleh seseorang individu dalam melaksanakan aktiviti berkenaan. Pengalaman pembelajaran di universiti adalah bukan setakat untuk menimba ilmu pengetahuan, tetapi ia juga merupakan peluang di mana pelajar dapat membina keyakinan diri dan kemahiran-kemahiran insaniah penting yang akan digunakan selepas tamat pengajian.

Berdasarkan Kajian Keberkesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2009, 2010 dan 2011, bilangan graduan yang bekerja dalam tempoh masa 6 bulan selepas tamat pengajian adalah

masing-masing 73.3%, 75.4% dan 76%. Walau bagaimanapun data daripada kajian tersebut harus dibaca bersama Kajian Pasaran Gunatenaga daripada Jabatan Perangkaan Malaysia di mana kadar pengangguran negara adalah di antara 3-4%. Seiring dengan ini juga, *International Labour Organization* mendefinisikan bagi negara yang merekod kadar pengangguran di antara 4-6%, ianya diambil kira sebagai mencapai tahap gunatenaga penuh (*full employment*).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan sekolah dan jumlah murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah kebangsaan pada tahun 2011; dan
- (b) berapakah kos yang dibelanjakan Kementerian untuk membantu sekolah-sekolah tersebut sepanjang 2011

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data pada 30 Jun 2011 terdapat 5,900 buah Sekolah Kebangsaan dengan enrolmen seramai 2,153,529 orang murid, sementara itu terdapat 1,291 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dengan enrolmen seramai 597,036 orang murid manakala terdapat 523 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dengan enrolmen seramai 102,412 orang murid. Keseluruhannya, kita mempunyai seramai 2,852,977 orang murid di 7,714 buah sekolah rendah di seluruh negara.

- b) Bagi tahun 2011, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah diperuntukan sebanyak RM1.23 billion untuk pelaksanaan 858 projek di sekolah kebangsaan, SJKC dan SJKT.

Rjm 102

No. Soalan : 72
PR-1252-L49881

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN : Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan perbelanjaan untuk program “An Evening with the Prime Minister” di O2 Arena, London pada 14 Mei 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gopeng di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, "Majlis Sepetang Bersama YAB Perdana Menteri" yang telah diadakan di Arena Indigo O2, Greenwich, London pada 14 Mei 2012 adalah bersempena dengan lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke United Kingdom dari 14 hingga 15 Mei 2012.
3. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi YAB Perdana Menteri berdialog dengan rakyat Malaysia di United Kingdom. Amalan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan dalam setiap program lawatan ke luar negeri oleh Menteri-Menteri Kabinet, di mana ia sentiasa diisi dengan program-program mendampingi rakyat.
4. Majlis tersebut melibatkan perbelanjaan sebanyak RM19,175.00 (£3,878.00), yang meliputi kos minuman dan insurans wajib. Kos ini telah dibayar oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom.
5. Bagi kos penyewaan Arena Indigo O2 dan perkhidmatan pengangkutan bas, ia dibiayai sepenuhnya oleh pihak penaja yang terdiri daripada usahawan-usahawan persendirian, pihak-pihak swasta dan persatuan-persatuan Malaysia di United Kingdom.

6. Majlis ini telah dihadiri oleh kira-kira 1,200 orang rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan keluarga, kanak-kanak, para pelajar dan mereka yang tinggal dan bekerja di United Kingdom.
7. Majlis ini telah berjalan dengan lancar dalam suasana santai walaupun dicemari oleh gangguan daripada tiga (3) individu tertentu pada permulaan ucapan YAB Perdana Menteri.
8. Kekecohan yang berlaku jelas menunjukkan bahawa segelintir pihak cuba mengambil kesempatan dengan mengeksplotasikan kehadiran YAB Perdana Menteri di luar negeri demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Kekecohan tersebut juga tidak mendapat perhatian dan sokongan majoriti yang hadir. YAB Perdana Menteri telah mengawal keadaan dengan tenang dan tegas.
9. Rata-rata rakyat Malaysia yang hadir menyokong ketegasan YAB Perdana Menteri dan tidak melepaskan peluang untuk berjabat tangan dan bergambar bersama YAB Perdana Menteri dan isteri semasa Majlis tersebut.
10. Tindakan segelintir individu yang biadap dan cuba mempengaruhi majoriti rakyat Malaysia yang hadir ketika itu jelas bertentangan dengan nilai-nilai murni, prinsip keharmonian dan peradaban yang diamalkan di Malaysia. Tiada tindakan di ambil ke atas ketiga-tiga (3) individu tersebut kerana mereka telah meninggalkan dewan semasa YAB Perdana Menteri berucap.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Sokongan padu yang diberikan rakyat Malaysia kepada YAB Perdana Menteri ketika itu jelas mencerminkan bahawa majoriti rakyat Malaysia adalah terdiri daripada golongan yang mencintai keamanan.
12. Disamping itu juga, semasa lawatan-lawatan ke luar negeri, YAB Perdana Menteri tidak seharusnya dilihat sebagai seorang pemimpin sebuah parti politik, tetapi sebagai seorang Ketua Kerajaan.
13. Justeru itu, rakyat Malaysia tidak seharusnya menjatuhkan maruah seseorang pemimpin kerana ia adalah bertentangan dengan nilai-nilai dan norma masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.06.2012

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan dengan Skim Amanah Rakyat (Sara 1Malaysia), setakat 30 April 2012:-

- (a)berapa banyakkah permohonan yang diterima bagi skim tersebut; dan
- (b)berapa banyakkah permohonan yang diluluskan mengikut pecahan kaum dan jumlah permohonan yang ditolak berserta alasan penolakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan antara RM500 hingga RM3,000 sebulan menabung dan melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

2. Di bawah pelaksanaan skim ini, institusi kewangan yang terlibat menyediakan dana pinjaman kepada 100,000 peserta yang layak memohon pinjaman berjumlah RM500 juta atau RM5,000 bagi setiap peserta untuk tempoh selama 5 tahun untuk melabur dalam 5,000 unit Amanah Saham

1Malaysia (AS 1M) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

3. Setiap peserta hanya perlu membayar balik pinjaman kepada bank sebanyak RM84 sebulan selama 59 bulan dan RM44 pada bulan ke-60. Peserta akan mendapat 5,000 unit AS 1M di akhir tempoh 5 tahun setelah menjelaskan kesemua komitmen bulanan tersebut.

4. Bagi memastikan peserta membayar balik pinjaman tersebut setiap bulan dan terus membuat tabungan dan pelaburan, peserta akan diberi insentif kira-kira RM134 sebulan (bergantung kepada hasil pulangan dari pelaburan yang diperolehi oleh SARA) selama tempoh penyertaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya peserta gagal membuat bayaran balik pinjaman dalam sesuatu bulan, maka tiada bayaran insentif yang akan diberikan pada bulan berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sejak SARA mula dibuka kepada orang ramai untuk langganan pada 30 Januari 2012 yang lalu, jumlah isi rumah yang telah memohon skim ini telah melebihi 100,000 orang. Sehingga 30 April 2012, sebanyak 68,389 permohonan telah diproses dan selebihnya masih dalam proses semakan dan kelulusan. Daripada jumlah ini, sebanyak 64,197 permohonan telah diluluskan manakala bakinya sebanyak 4,192 telah ditolak. Permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan penyertaan SARA 1Malaysia, antaranya termasuklah:

- i. Bukan warganegara Malaysia;
- ii. Muflis/disenarai hitam (*blacklisted*);
- iii. Bujang;
- iv. Melebihi had umur kelayakan 58 tahun;
- v. Jumlah pendapatan isi rumah melebihi RM3,000;
- vi. Pernah menerima bantuan dari

skim-skim khas Iain Kerajaan yang diuruskan oleh ASNB sebelum ini seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), ASB Sejahtera dan ASW2020-Bandar; dan

vii. Memiliki jumlah pelaburan di dalam mana-mana unit amanah ASNB melebihi RM10,000 pada masa permohonan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Sehingga 30 April 2012, pecahan permohonan yang telah diluluskan mengikut kaum pula adalah seperti berikut:-

Kaum	Jumlah Permohonan Yang Telah Diluluskan
Bumiputera	46,324
Cina	9,871
India	5,520
Lain-lain	2,482
Jumlah	64,197

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan terhadap larangan penjualan makanan ringan yang masih berleluasa di kantin sekolah dan di luar pagar sekolah yang menyumbang kepada masalah kesihatan dan penyakit lain di kalangan pelajar

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengedarkan **Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat** ke semua sekolah melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Senarai makanan dan minuman yang dilarang untuk dijual di kantin sekolah adalah:

- i) Makanan dan minuman yang melanggar Peraturan-peraturan Makanan 1985;
- ii) Gula-gula dan coklat;
- iii) Jenis makanan yang dijeruk;
- iv) Makanan ringan yang mengandungi bahan perisa dan pewarna tiruan kecuali susu berperisa; dan

- v) Makanan dan minuman yang beralkohol.

Semua Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan pihak pentadbir sekolah telah diberi taklimat dan penegasan supaya mematuhi panduan tersebut. Pematuhan terhadap garis panduan ini akan dipantau melalui JPN masing-masing.

Dalam pengurusan kantin sihat , KPM memberi penekanan kepada gaya makan dan hidup yang sihat. Oleh itu dalam buku panduan tersebut ada menyatakan tentang bilangan kalori yang diperlukan oleh murid bagi setiap kali makan mengikut umur. Tersenarai juga jumlah kalori yang dibakar untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh murid. Di samping itu, KPM juga memberi penekanan dalam pendidikan tentang hidup sihat supaya dijadikan amalan murid, bukan hanya di sekolah tetapi amalan hidup sihat sebagai amalan harian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]
TARIKH : 28.06.2012 (KHAMIS)

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang menghapuskan semua sistem monopoli dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Akta Persaingan 2010 yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 terpakai kepada semua aktiviti komersial tanpa mengira saiznya ataupun pemilikannya. Akta ini tidak melarang monopoli, tetapi jika sesebuah monopoli itu menyalahguna kuasanya di pasaran, ianya tidak dibenarkan dan akan disabit hukuman jika didapati bersalah. Oleh itu, walaupun sesebuah entiti tersebut dipunyai oleh sesebuah GLC dan GLC tersebut merupakan sebuah monopoli, jika ianya didapati menyalahi undang-undang ianya akan tertakluk kepada Akta Persaingan 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tarikh sebenar SPR akan mengeluarkan Senarai Daftar Pemilih Terkini yang telah diwartakan untuk pemilih di kalangan angkatan tentera dan polis. Berikan pecahan bagi mereka yang meminta untuk mengundi secara pos.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan 13 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 menyatakan daftar pemilih tambahan hendaklah disediakan tiap-tiap tiga bulan sekali (suku tahun) yang mengandungi nama pemilih baru dan pemilih yang menukar kawasan pendaftaran (pertukaran alamat pusat mengundi).

Peraturan 21A dan 22 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 memberi kuasa kepada SPR untuk memperaku daftar pemilih tambahan mengikut kawasan pendaftaran yang mengandungi nama pemilih baru atau pemilih yang menukar kawasan pendaftaran (pertukaran alamat pusat mengundi) dan yang tidak terlibat dengan apa-apa tuntutan dan bantahan. Manakala peraturan 22 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 memberi kuasa kepada SPR untuk memperaku daftar pemilih tambahan mengikut kawasan pendaftaran yang mengandungi nama pemilih baru atau pemilih yang menukar kawasan pendaftaran

SOALAN NO.76

(pertukaran alamat pusat mengundi) dan yang terlibat dengan apa-apa tuntutan dan bantahan setelah semua tuntutan dan bantahan diselesaikan. Setiap pemerakuan daftar pemilih tambahan yang disediakan mengikut suku tahun ini akan diwartakan.

Peraturan 24 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 memberi kuasa kepada SPR untuk melaksanakan penggabungan daftar pemilih induk tahun sebelumnya dengan daftar-daftar pemilih tambahan tahun semasa serta memperakui semula daftar pemilih yang digabungkan untuk membentuk daftar pemilih induk tahun itu. Penggabungan ini hanya boleh dilaksanakan setelah selesai pemerakuan bagi keempat-empat daftar pemilih tambahan tahun semasa.

Bagi maksud mengadakan suatu pilihan raya umum atau kecil peraturan 9 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 memberi kuasa kepada SPR untuk menentukan daftar pemilih yang akan digunakan untuk suatu Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil iaitu daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan yang terakhir diperakui sebelum pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri itu atau sesuatu kekosongan berlaku. Daftar-daftar

SOALAN NO.76

pemilih tambahan inilah yang disifatkan terkini dan akan digunakan dalam pilihan raya umum atau kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 menyatakan kategori orang yang berhak mengundi sebagai pengundi pos ialah seperti yang berikut:

- (a) pengundi tidak hadir (luar negara) yang disebut dalam perenggan (c), (d), (e) dan (f) dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;
- (b) anggota tentera dan polis yang disebut dalam perenggan 27A(1)(a) dan (c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi awal;
- (c) seorang pegawai pilihan raya yang kena menjalankan tugas pada hari mengundi awal atau hari mengundi;
- (d) seorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya; dan
- (e) seorang anggota mana-mana kategori orang yang ditetapkan sebagai pengundi pos oleh Suruhanjaya

SOALAN NO.76

Pilihan Raya dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta.

Kecuali orang yang disebut di perenggan (a) di atas, semua permohonan untuk mengundi sebagai pengundi pos hanya boleh dikemukakan selepas disahkan adanya pertandingan untuk kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi suatu pilihan raya umum atau kecil, oleh yang demikian, SPR tidak mempunyai maklumat jumlah keseluruhan pemilih yang akan mengundi sebagai pengundi pos untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan :77
PR-1252-L50143

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN : Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan :-

(a) berapakah jumlah perbelanjaan untuk program "An Evening With our Prime Minister" yang dijalankan di O2 Arena Stadium London pada 14 Mei 2012; dan

(b) apakah rasional YAB. Perdana Menteri untuk mengadakan program ini memandangkan beliau tidak menjawab laungan dan persoalan "BERSIH" yang ditimbulkan para hadirin.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Petaling Jaya Selatan** di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, "Majlis Sepetang Bersama YAB Perdana Menteri" yang telah diadakan di Arena Indigo O2, Greenwich, London pada 14 Mei 2012 adalah bersempena dengan lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke United Kingdom dari 14 hingga 15 Mei 2012.
3. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi YAB Perdana Menteri berdialog dengan rakyat Malaysia di United Kingdom. Amalan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan dalam setiap program lawatan ke luar negeri oleh Menteri-Menteri Kabinet, di mana ia sentiasa diisi dengan program-program mendampingi rakyat.
4. Majlis tersebut melibatkan perbelanjaan sebanyak RM19,175.00 (£3,878.00), yang meliputi kos minuman dan insurans wajib. Kos ini telah dibayar oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom.
5. Bagi kos penyewaan Arena Indigo O2 dan perkhidmatan pengangkutan bas, ia dibiayai sepenuhnya oleh pihak penaja yang terdiri daripada usahawan-usahawan persendirian, pihak-pihak swasta dan persatuan-persatuan Malaysia di United Kingdom.

6. Majlis ini telah dihadiri oleh kira-kira 1,200 orang rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan keluarga, kanak-kanak, para pelajar dan mereka yang tinggal dan bekerja di United Kingdom.
7. Majlis ini telah berjalan dengan lancar dalam suasana santai walaupun dicemari oleh gangguan daripada tiga (3) individu tertentu pada permulaan ucapan YAB Perdana Menteri.
8. Kekecohan yang berlaku jelas menunjukkan bahawa segelintir pihak cuba mengambil kesempatan dengan mengeksplotasikan kehadiran YAB Perdana Menteri di luar negeri demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Kekecohan tersebut juga tidak mendapat perhatian dan sokongan majoriti yang hadir. YAB Perdana Menteri telah mengawal keadaan dengan tenang dan tegas.
9. Rata-rata rakyat Malaysia yang hadir menyokong ketegasan YAB Perdana Menteri dan tidak melepaskan peluang untuk berjabat tangan dan bergambar bersama YAB Perdana Menteri dan isteri semasa Majlis tersebut.
10. Tindakan segelintir individu yang biadap dan cuba mempengaruhi majoriti rakyat Malaysia yang hadir ketika itu jelas bertentangan dengan nilai-nilai murni, prinsip keharmonian dan peradaban yang diamalkan di Malaysia. Tiada tindakan di ambil ke atas ketiga-tiga (3) individu tersebut kerana mereka telah meninggalkan dewan semasa YAB Perdana Menteri berucap.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Sokongan padu yang diberikan rakyat Malaysia kepada YAB Perdana Menteri ketika itu jelas mencerminkan bahawa majoriti rakyat Malaysia adalah terdiri daripada golongan yang mencintai keamanan.
12. Disamping itu juga, semasa lawatan-lawatan ke luar negeri, YAB Perdana Menteri tidak seharusnya dilihat sebagai seorang pemimpin sebuah parti politik, tetapi sebagai seorang Ketua Kerajaan.
13. Justeru itu, rakyat Malaysia tidak seharusnya menjatuhkan maruah seseorang pemimpin kerana ia adalah bertentangan dengan nilai-nilai dan norma masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI TIONG KING SING**
[BINTULU – BN]

TARIKH : **28 JUN 2012 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 78

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) apakah sebab sukan bola keranjang tidak disenaraikan sebagai salah satu acara sukan wajib dalam Sukan Malaysia (SUKMA) dan sebab acara sukan bola keranjang tidak disenaraikan dalam SUKMA 2012 yang akan diadakan di negeri Pahang walhal sukan mewah seperti golf dan ekuestrian yang dipilih; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam membangunkan sukan bola keranjang dan nyatakan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian kepada Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) sejak tahun 2000.

JAWAPAN

1. Sukan Bola Keranjang tidak disenaraikan sebagai salah satu acara sukan wajib Sukan Malaysia kerana ia tidak berada dalam senarai 19 jenis sukan teras yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2004 untuk dibangunkan secara keseluruhannya di negara kita.
2. Untuk makluman, sukan Bola Keranjang tidak disenaraikan dalam Sukan Malaysia 2012 di negeri Pahang kerana sukan ini telah pun dipertandingkan di Sukan Malaysia Kuala Lumpur 2011. Peraturan Tetap Sukan Malaysia telah menetapkan bahawa hanya 24 jenis sukan akan dipertandingkan dalam sesuatu temasya Sukan Malaysia iaitu sebanyak 19 jenis sukan wajib dan tambahan 5 sukan pilihan akan dikelolakan oleh negeri tuan rumah. Manakala sukan-sukan yang lain akan dikelolakan oleh Majlis Sukan Negara pada tahun berikutnya. Setiap jenis sukan akan dipertandingkan 2 tahun sekali dan tidak dibenarkan dipertandingkan setiap tahun.
3. Usaha untuk membangunkan sukan Bola Keranjang telah pun dimulakan sejak tahun 1999 apabila Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah menyerapkan sukan ini ke dalam program Gemilang 2001 iaitu persediaan ke Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur. Sejak dari itu, sukan ini terus diberi peluang diserapkan ke dalam program-program seperti Program Gemilang 2006 (2002 - 2006) dan Program Cabaran 2010 (2007 - 2010) yang menerima bantuan seperti elau latihan, kejurulatihan, latihan dalam dan luar negara serta pertandingan dalam dan luar negara,

pengelolaan kejohanan serta bantuan pentadbiran setiausaha eksekutif sepetimana yang diperoleh oleh sukan-sukan yang lain. Peruntukan yang disalurkan kepada Persatuan Bola Keranjang Malaysia dari tahun 2000 hingga 2012 adalah sebanyak RM8.1 juta.

NO. SOALAN : 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TAN AH ENG
[GELANG PATAH]**

**TARIKH JAWAPAN : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menubuhkan suruhanjaya bagi menyelesaikan kes tuduhan pengusikan meter TNB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, tiada cadangan untuk menubuhkan suruhanjaya khas bagi menyiasat kes-kes pengusikan meter memandangkan pengguna boleh merujuk kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) selaku badan kawal selia industri bekalan elektrik yang berkecuali atau *independent*, dengan izin.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah mengarahkan pihak Tenaga Nasional Berhad untuk melaksanakan penambahbaikan Standard Prosedur Operasi (*Standard Operation Procedure - SOP*), dengan izin, bagi kes pengusikan meter agar kes-kes ini dikendalikan dengan lebih telus dan mesra pelanggan. Bermula pada 15 September 2011, pihak Badan Bukan Kerajaan (*Non-Government Organisation*), dengan izin, turut dijemput sebagai pemerhati bagi sesi rundingan antara pihak TNB dan pengguna.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengguna yang didakwa melakukan pengusikan meter juga dimohon untuk memberikan kerjasama kepada pihak TNB dan ST dengan memberikan maklumbalas dan mengemukakan bahan bukti seperti tarikh mula menghuni premis berkenaan dan rekod pengeluaran produk kilang agar kes-kes pengusikan meter dapat diselesaikan dengan baik antara TNB dan pengguna. Pihak TNB sentiasa bersedia untuk melakukan rundingan dengan pengguna terlibat demi untuk mencari ‘*win-win*’ resolusi bagi setiap kes yang dikesan oleh TNB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 28 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perkembangan pembinaan projek High Speed Broadband yang dilaksanakan oleh Kementerian dan jumlah peruntukan yang telah dibelanja untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaksanakan pelbagai program peluasan liputan jalur lebar secara berterusan melalui teknologi berwayar dan tanpa wayar di bandar mahupun di luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pelaksanaan inisiatif seperti pembinaan menara telekomunikasi (Time 3), Pusat Jalur Lebar Komuniti

(PJK), Perpustakaan Jalur Lebar (PJL), Mini PJK dan Kampung Tanpa Wayar (KTW). Selain itu, rangkaian teras berdasarkan fiber optik akan dinaik taraf di bawah peruntukan RMKe-10 bertujuan untuk meluaskan lagi liputan jalur lebar terutamanya ke kawasan-kawasan pedalaman di samping memperbaiki kualiti perkhidmatan. Kerajaan berusaha untuk menaikkan kadar penembusan jalur lebar di Sabah dan Sarawak sekurang-kurangnya 50% penembusan.

Setakat 21 Mei 2012, kadar penembusan jalur lebar di peringkat kebangsaan adalah sebanyak 63.4% bersamaan dengan 4.2 juta langganan isi rumah daripada jumlah keseluruhan sebanyak 5.7 juta langganan jalur lebar. Bagi Negeri Sabah, kadar penembusan jalur lebar yang dicatatkan adalah 33% manakala Negeri Sarawak, 47.8%. Bagi pelaksanaan inisiatif peluasan liputan jalur lebar di Sabah, sebanyak RM500 juta telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan setakat penghujung 2011 manakala sejumlah RM700 juta lagi akan dibelanjakan bagi tempoh 2012 sehingga 2013.

Setakat akhir April 2012, jumlah *port* HSBB yang telah siap dipasang ialah 1,221,088 iaitu 1,116,242 di kawasan Lembah Kelang; 52,504 di Johor meliputi Iskandar Malaysia; 25,848 di Pulau Pinang; 9,958 di Kedah; 4,144 di Perak; 5,704 di Melaka dan 6,688 di Negeri Sembilan. Jumlah ini adalah merupakan pencapaian 91% dari sasaran 1.3 juta *ports* pada akhir 2012. Pelaksanaan setakat ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.086 bilion di mana RM2.258 bilion adalah peruntukan daripada Kerajaan dan selebihnya adalah perbelanjaan syarikat Telekom Malaysia.

SOALAN NO: 80

Pada masa ini, terdapat persaingan yang sihat di kalangan pemberi perkhidmatan internet. Pengguna mempunyai banyak pilihan untuk memilih pemberi perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan yang memuaskan. Mereka juga boleh memilih pakej yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan masing-masing. Setakat 31 Mei 2012, terdapat lebih 80 pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi telah didaftarkan bagi memberikan perkhidmatan capaian internet kepada pengguna.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status Majuikan Sdn. Bhd. kini yang dilanda kontroversi mengenai beban hutang yang semakin meningkat, serta pelbagai projek yang merugikan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang DiPertua,

Majuikan Sdn. Bhd. (MSB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang telah ditubuhkan mengikut Seksyen 4, Sub-seksyen 3(b) Akta LKIM 1971 (Akta 49). Modal Dibenarkan adalah RM15,000,000 dan Modal Dibayar sehingga tarikh berakhir Disember 2010 adalah RM10,892,227.00.

Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengambil langkah-langkah mengatasi masalah operasi MSB yang merugikan melalui langkah pengecilan perniagaan pada tahun 2010 sebanyak 42% yang melibatkan penutupan dan penggabungan beberapa aktiviti perniagaan. Lanjutan dari itu didapati kerugian Kumpulan berjaya dikurangkan hampir 40% iaitu daripada RM5 juta kepada RM3 juta pada tahun 2011.

Di samping itu mulai tahun 2011, berdasarkan situasi semasa, Pengurusan MSB telah mencadangkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia beberapa opsyen inisiatif sebagai langkah penyelesaian kepada kemerosotan dan kerugian syarikat seperti berikut:

- (i) Cadangan Penstrukturran Semula Kumpulan Majuikan pada Jan 2011;
- (ii) Cadangan Pengosongan (*Dormant*) dan Penjualan Aset/Syarikat pada Nov 2011;
- (iii) Cadangan Pengambilahan Kumpulan Majuikan Secara *Management Buy Out* (MBO) pada Jan 2012; dan
- (iv) Cadangan Pengecilan Perniagaan Syarikat Kali Kedua pada Mei 2012.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sedang meneliti cadangan-cadangan berkenaan dan sedang memperhalusi langkah-langkah muktamad bagi mengatasi masalah perniagaan MSB.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]
TARIKH : 28 JUN 2012
SOALAN : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [Dungun] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah peruntukan untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada institusi pengajian tinggi yang berkaitan dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) semenjak diperkenalkan sehingga sekarang dan apakah sumbangan kepada pengeluaran negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak MARDI ditubuhkan pada tahun 1969, peruntukan R&D yang diterima mulai 1971 hingga 2009 ialah sebanyak RM282,087,105. Seterusnya peruntukan R&D pada tahun 2010 sebanyak RM13,661,468 dan tahun 2011 sebanyak RM15,482,847 manakala tahun 2012 baru menerima sebanyak RM3,563,637.

Dalam tempoh 40 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1969, MARDI telah mencapai banyak kejayaan dalam pembangunan teknologi untuk diguna pakai oleh golongan sasar iaitu petani, penternak dan usahawan industri asas tani. Sebagai contoh, dalam pengeluaran padi, MARDI telah membangunkan banyak varieti padi yang digunakan petani seperti MR 211, MR 219, MR 220, MRQ 74 dan MR 232 dan sebagainya. Dengan varieti-varieti yang dibangunkan MARDI, hasil pengeluaran padi meningkat dari kurang 3 tan/hektar sehingga melebihi 6 tan/hektar malah disesetengah

kawasan seperti di Sekincan dan Muda mampu mencapai hasil melebihi 10 t/ha/musim sekiranya mengikuti cadangan amalan dengan sebaiknya.

Dalam bidang pemprosesan makanan, MARDI telah membangunkan sistem Inkubator Teknologi yang membolehkan pengusaha mengeluarkan produk dalam skala komersial. Sehingga kini tidak kurang daripada 11 produk teknologi MARDI seperti minuman *cordial*, bakeri dan pasta, sos, makanan sujukbeku, konfeksioneri dan produk herba, berjaya dikomersialkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengusaha IKS. Antaranya ialah Syarikat Madura yang mengeluarkan minuman berkarbonat, Syarikat Zinon Food yang mengeluarkan mi segera dan Syarikat Malaysian Raya Cordial pengeluar produk *concentrate* halia dan asam jawa.

MARDI juga menjana teknologi dalam bidang mekanisasi dan automasi dan telah menghasilkan mesi-mesin pengeluaran makanan seperti mesin pemcucuk sate, mesin kuih-kuih tradisional, pembakar lemang dan lain-lain lagi.

Secara ringkasnya MARDI telah menjana teknologi dalam pelbagai bidang yang memberi impak dalam meningkatkan produktiviti pertanian negara seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 28 JUN 2012
SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keperluan imunisasi yang patut diberi kepada kanak-kanak mengikut peringkat umur dalam usaha membantu mengatasi serangan penyakit baru yang dihadapi oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua

Program Imunisasi Kebangsaan telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melindungi bayi, kanak-kanak dan pelajar sekolah daripada jangkitan penyakit cegahan vaksin. Terdapat 11 penyakit cegahan vaksin iaitu:

1. Tuberkulosis (batuk kering/TB)
2. Hepatitis B
3. Diphtheria
4. Batuk kokol (Pertussis)
5. Kancing gigi (Tetanus)
6. Poliomyelitis
7. *Haemophilus influenza* jenis b
8. Measles (demam campak)
9. Mumps (beguk)

10. Rubella
11. *Human papilloma virus* (HPV untuk mencegah kanser serviks)

Berikut adalah jadual pelalian mengikut penyakit dan umur:

Bil	Umur	Pelalian
1.	0	BCG dan Hepatitis B Dos 1
2.	1 bulan	Hepatitis B Dos 2
3.	2 bulan	DTaP-IPV/Hib Dos 1
4.	3 bulan	DTaP-IPV/Hib Dos 2
5.	5 bulan	DTaP-IPV/Hib Dos 3
6.	6 bulan	Hepatitis Dos 3 Measles (Sabah sahaja)
7.	12 bulan	Measles, Mumps dan Rubella (MMR)
8.	18 bulan	DTaP-IPV/Hib Dos Tambahan
9.	7 tahun	Diphtheria, Tetanus dan Measles Dos Tambahan
10.	13 tahun	Human Papilloma Virus (HPV) 3 dos
11.	15 tahun	Tetanus (ATT)

Semua pelalian yang tersebut di atas diberikan secara percuma.

SOALAN NO. 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]
TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan segala syor yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

SOALAN NO. 84

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 32 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (Jawatankuasa) yang terdiri daripada 10 syor yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011 dan 22 syor yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2012 untuk dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Berdasarkan kepada syor-syor Jawatankuasa untuk dilaksanakan pada Pilihan Raya Umum Ke-13, SPR telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang berikut:

- (1) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya umum dan pilihan raya kecil [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012];

SOALAN NO. 84

- (2) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud membenarkan orang yang dipercayai oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) membantunya dalam urusan pengundian [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012];
- (3) Mengadakan peruntukan undang-undang bagi maksud menjalankan pengundian awal; [Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 &[Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2012];
- (4) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas media;
- (5) Melaksanakan pembersihan daftar pemilih secara berterusan untuk memastikan daftar pemilih yang kemas kini dan berwibawa;
- (6) Mengadakan kerjasama erat berterusan dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Luar Negeri dalam urusan pendaftaran dan pembersihan daftar

SOALAN NO. 84

pemilih di samping kerjasama dengan pihak ketiga seperti MIMOS;

- (7) Melaksanakan urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan selama 14 hari dan serta mengadakan peruntukan undang-undang menaikkan daripada 10 orang kepada 20 orang Orang Kena bantah (OKB) bagi setiap Pembantah;
- (8) Menambah baik susun atur tempat mengundi untuk memastikan ketelusan proses pengundian dan memastikan kerahsiaan sesuatu undi;
- (9) Memansuhkan proses bantahan pada hari penamaan calon dan tempoh penarikan balik pencalonan;
- (10) Mengadakan peruntukan undang-undang iaitu menetapkan tempoh minimum sebelas hari di antara daripada hari penamaan dengan hari pengundian; dan
- (11) Memberi keutamaan pelantikan petugas pilihan raya daripada kalangan pemilih bagi kawasan berkenaan dan peruntukan undang-undang sedia ada memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas yang bertugas dan mengundi dalam kawasan pendaftaran yang berbeza.

SOALAN NO: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 28 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bila gaji minimum akan diwartakan dan setelah tempoh enam bulan jika tidak dapat dilaksanakan oleh majikan, maka siapa yang akan mengesahkan penangguhan tersebut.

PR-1252-L49330

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perintah Gaji Minimum akan diwartakan dalam tempoh yang terdekat di mana pelaksanaannya akan berkuatkuasa selewat-lewatnya pada bulan Januari 2013. Ini telah mengambil kira tempoh peralihan yang diberikan kepada majikan iaitu 6 bulan selepas perintah tersebut diwartakan bagi perusahaan yang mengaji lebih dari 5 orang pekerja

dan firma professional atau 12 bulan bagi perusahaan yang menggaji 5 orang pekerja atau kurang.

2. Sekiranya majikan tidak dapat melaksanakan gaji minimum tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, mereka boleh membuat permohonan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara untuk pelanjutan tarikh permulaan kuatkuasa Perintah Gaji Minimum. Majlis Perundingan Gaji Negara akan membuat syor kepada Kerajaan seperti yang diperuntukkan seperti Seksyen 25(2), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) bagi mendapatkan persetujuan berhubung dengan pelanjutan tarikh tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 86

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) bilangan pelajar yang belajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengikut kaum bagi tahun 2010,2011 dan 2012; dan
- (b) apakah jurusan-jurusan yang ditawarkan di UiTM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) UiTM nyata lebih segar diingati dengan penubuhannya sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967. Institut ini merupakan buah hasil para pemimpin Malaysia yang penuh visi. Salah satu misi negara adalah memberi fokus terhadap usaha untuk membangunkan taraf sosioekonomi kaum Bumiputera di negara ini. ITM dijadikan sebagai katalis bagi menjana kesemua sumber yang ada dan melahirkan serta melipatgandakan jumlah graduan Bumiputera yang terlatih dan berkelayakan bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi malah di dalam bidang-bidang

lain. Walaupun kini memegang status universiti, ia adalah mustahil untuk melupakan setiap detik permulaan institusi ini.

UiTM sangat komited dalam membantu anak-anak Bumiputera mendapatkan pendidikan sehingga ke peringkat akademik yang tertinggi, juga dalam persiapan untuk melangkah ke alam pekerjaan. Kini UiTM meneruskan usaha murni pemimpin dan pengasasnya terdahulu, meneroka dan menguasai pelbagai cabang ilmu untuk meraih gelaran universiti bertaraf dunia.

Untuk makluman, pada masa ini, kemasukan ke UiTM hanya dikhaskan kepada pelajar Bumiputra sahaja. Takrifan Bumiputera bagi kemasukan ke UiTM bagi pelajar daripada Semenanjung Malaysia ialah jika salah seorang ibu ATAU bapa calon adalah seorang Melayu yang beragama Islam/ Orang Asli seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan, maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera. Takrifan Bumiputera bagi pelajar Sabah pula ialah jika bapa calon adalah seorang Melayu yang beragama Islam/ Peribumi Sabah seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 161 A (6) (b) Perlembagaan Persekutuan, maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera. Manakala, takrifan Bumiputera bagi pelajar Sarawak ialah jika bapa DAN ibu calon adalah seorang Peribumi Sarawak seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 161 A (6) (a) Perlembagaan Persekutuan, maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera.

Jumlah enrolmen pelajar di UiTM pada tahun 2010 adalah seramai 67,108 orang, manakala pada tahun 2011 pula seramai 84,534 orang.

- (b) Pada tahun 2011, antara jurusan-jurusan yang ditawarkan di UiTM adalah Bahasa dan Linguistik; Ekonomi; Farmasi; Kejuruteraan; Sains Sosial; Pelancongan dan Hospitaliti; Pembuatan, Pemprosesan dan Teknologi; Pendidikan; Pengangkutan; Perakaunan; Pergigian; Perlindungan Alam Sekitar; Perniagaan dan Pentadbiran; Pertanian; Perubatan; Perundangan; Sains dan Matematik; Sains Kesihatan dan Kebajikan; Sejarah dan Falsafah; Seni, Rekabentuk dan Muzik; Senibina dan Bangunan; Sukan; dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

TARIKH : 28 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 87

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi membangunkan kawasan seluas 500 ekar yang telah diluluskan Kerajaan Negeri Johor bagi mewujudkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan tanah sekitar 500 ekar di Pagoh, Johor bagi pembangunan Hab Pendidikan akan dibuat melalui kaedah pembelian selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 2007. Pembangunan Hab Pendidikan tersebut adalah merupakan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Jun 2011. Pagoh dipilih kerana ia secara tidak langsung bertindak sebagai koridor pendidikan antara '*Education Cluster*' di '*Vision Valley Malaysia*' di bawah '*Greater KL*' di sebelah utara dan '*EduCity*' di Nusajaya, Iskandar Malaysia di sebelah selatan.

Projek ini akan dilaksanakan oleh Sime Darby Property Berhad (SDPB), anak syarikat Sime Darby Berhad melalui kaedah *Public Private Partnership* (PPP). SDPB akan bertindak sebagai pemaju utama untuk membangunkan Hab Pendidikan Pagoh secara berfasa melalui tawaran bidaan dan kawasan selebihnya sebagai pembangunan bandar yang baharu.

Pembangunan Fasa Pertama Hab Pendidikan Pagoh di bawah kendalian KPT akan melibatkan empat (4) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pusat Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Politeknik Pagoh.

Sehingga kini, belum ada syarikat yang memohon untuk menubuhkan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di kawasan tersebut. KPT bersedia mempertimbangkan penubuhan IPTS mengikut syarat dan kriteria yang telah diperuntukkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG Serai]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kadar purata guru kepada murid di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan jumlah guru sentiasa mencukupi di setiap sekolah pada setiap masa

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan jumlah guru dan murid di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan, nisbah guru kepada murid di sekolah berkenaan pada masa ini adalah seperti berikut:

- i. Sekolah Kebangsaan = 1 : 12
- ii. SJKC = 1 : 17
- iii. SJKT = 1 : 12

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dan meneliti dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. Terdapat pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Diploma Pendidikan dan Kursus Dalam Cuti dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan di Institusi Pendidikan Guru bagi membekalkan guru terlatih yang mencukupi di semua jenis sekolah di seluruh negara. Rjm 104

SOALAN NO.89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN:

TUAN HEE LOY SIAN minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) adakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bercadang untuk menukar warna rasminya iaitu warna kuning pada Pilihan Raya Umum ke-13; dan

- (b) apakah warna rasmi SPR yang akan digunakan pada Pilihan Raya Umum ke-13.

SOALAN NO.89

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah menetapkan warna tertentu sebagai warna rasmi SPR dalam mana-mana pilihan raya yang pernah diadakan. Pemilihan warna pada tema pakaian atau penggunaan yang lain, sekiranya ada, hanyalah bagi tujuan penyeragaman (*uniformity*) untuk memudahkan urusan pentadbiran dan pengurusan kerja selain kelihatan kemas dan cantik.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 90

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan kelewatan mengeluarkan hakmilik strata kepada pemilik rumah pangsa dan bangunan bertingkat yang semakin hari semakin bertambah bilangannya di tanah air kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perundangan yang mengawal rumah-rumah pangsa dan jenis apartmen serta jenis-jenis pembangunan skim strata bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah Akta Hakmilik Strata 1985 yang merupakan akta yang mewajibkan pemilik tanah untuk memohon hakmilik strata apabila berlakunya penjualan atau perjanjian jualan petak yang melibatkan perjanjian jual beli, dan syarat-syarat asas bagi permohonan hakmilik strata telah dipenuhi.

Isu kelewatan pengeluaran hakmilik strata yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bukan disebabkan kelewatan oleh pentadbiran tanah, sebaliknya sebahagian besar kes disebabkan oleh kegagalan tuan tanah atau pemaju mengemukakan permohonan hakmilik strata kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Sekiranya permohonan yang dikemukakan teratur dan memenuhi syarat, proses pengeluaran hakmilik strata akan memakan masa 170 hari.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di dalam usaha mempercepatkan proses pengeluaran hakmilik strata telah mencadangkan konsep baru pengeluaran hakmilik strata secara serentak bersama *vacant possession*. Draf Rang Undang-Undang pindaan kepada Akta Hakmilik Strata 1985 telahpun disediakan dan dijangka untuk dibentangkan di Parlimen dalam sesi yang akan datang.

Pindaan kepada Akta tersebut dijangka akan dapat mengatasi masalah kelewatan pengeluaran hakmilik strata dengan memendekkan masa pengeluaran hak milik strata daripada 170 hari bekerja kepada kurang daripada 100 hari bekerja. Ianya akan memberi impak yang besar kepada pembangunan industri hartanah.

Melalui cadangan pindaan ini juga, bagi pemilik tanah yang gagal untuk mengemukakan permohonan hakmilik strata dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan dengan hukuman yang lebih berat berbanding hukuman yang diperuntukkan melalui Akta Hakmilik Strata 1985 yang berkuatkuasa pada masa kini.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 28 JUN 2012

SOALAN :

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) apakah peruntukan undang-undang yang boleh diguna pakai bagi mengurangi perbuatan yang boleh menyebabkan proses kecetekan sesebuah sungai; dan

- (b) apakah Kementerian bercadang untuk menjadikan tahap kedalaman sesuatu sungai sebagai elemen pemantauan tetap bagi tujuan pengawalan banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan undang-undang yang boleh diguna pakai bagi mengurangi perbuatan yang boleh menyebabkan proses kecetekan sesebuah sungai adalah seperti berikut:-
- i. Water Act 1920 (Disemak – 1989);
 - ii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
 - iii. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);
 - iv. Mining Enactment 1962 (F.M.S. Cap. 147);
 - v. Drainage Works Act 1954 (Akta 354) (Disemak – 1989);
 - vi. Irrigation Areas Act 1953 (Akta 386) (Disemak – 1989);
 - vii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
 - viii. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56); dan
 - ix. Perundangan dan peraturan lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sememangnya telah menjadikan tahap kedalaman sungai sebagai elemen pemantauan tetap bagi tujuan pengawalan banjir. Di samping itu, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sebagai pelaksana juga telah menyediakan "Garis panduan bagi Pembangunan Berhadapan Sungai dan Rezab Sungai", serta mengguna pakai "*DID Manual*" dalam melaksanakan fungsi pengurusan lembangan sungai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.06.2012

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil berkaitan dengan Laporan Global Financial Index bertarikh Disember 2011 bahawa negara Malaysia telah pun mencapai tahap di no. 5 dalam rangkaian negara-negara di mana wang telah pun keluar ke negara secara haram di mana wang yang keluar adalah sebanyak RM350 bilion dan sekiranya tiada tindakan, kenapa

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha telah dipertingkatkan untuk mengurangkan dan mencegah aliran dana keluar secara haram daripada Malaysia. Setakat ini, langkah oleh pihak berkuasa membuaikan hasil yang positif, terutamanya dalam mengurangkan jumlah aliran keluar kewangan yang tidak direkodkan. Kiraan kesalahan dan ketinggalan (*Errors & Omission, E&O*) Malaysia telah mencatat aliran keluar yang lebih rendah berjumlah RM32.1 bilion pada tahun 2011 (2010: -RM38.1 bilion). Sebagai nisbah kepada jumlah perdagangan, E&O juga telah menurun dengan ketara kepada -2.6% pada tahun 2011 berbanding -3.3% pada tahun 2010. Kadar ini adalah di bawah tahap piawaian kadar antarabangsa iaitu 5% dari jumlah perdagangan.

2. Kerajaan menganggap mana-mana pelanggaran peraturan dan undang-undang negara sebagai satu perkara yang sangat serius. Oleh itu, usaha telah ditumpukan untuk mengurangkan dan mencegah aliran dana keluar secara haram daripada Malaysia. Semua pihak berkuasa yang berkaitan meningkatkan kerjasama dan usaha yang selaras dan berterusan ke arah objektif ini. Bank Negara Malaysia khususnya, telah mengambil beberapa langkah untuk menangani aliran keluar haram dalam bentuk pemindahan dana melalui saluran tidak formal seperti berikut:

- (i) Menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011 pada Disember 2011 untuk memperkuuh perlindungan daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram. Akta ini juga akan memperkuuh pengawasan dan memastikan pembangunan industri perkhidmatan perniagaan bertambah kukuh.
- (ii) Mempertingkatkan rangka kerja penyeliaan di bawah Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011. Hasilnya, jumlah kiriman wang melalui saluran rasmi telah meningkat.
- (iii) Memperkuuhkan usaha penguatkuasaan untuk mengurangkan pemindahan wang secara haram. Sehingga kini, 62 lesen pengurup wang telah dibatalkan berikutan kegagalan mematuhi pelbagai keperluan yang ditetapkan di bawah undang-undang.

3. Di samping itu, kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing untuk tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan juga telah dipertingkatkan.

